

BAB 3

PEMBAHAGIAN *MATHAL*

3.0 Pendahuluan

Mathal terbahagi kepada beberapa bahagian dan jenis. Dari segi penggunaan bahasanya ia terbahagi kepada *mathal fusha:* dan *mathal ‘a:mmiyy*. Dari segi realiti, ia terbahagi kepada *mathal* realiti dan *mathal* rekaan. Dari segi gaya bahasanya pula ia terbahagi kepada *mathal* puisi dan *mathal* prosa. Turut dimuatkan dalam bab ini *mathal* Islami yang terdiri daripada *mathal* al-Qur’an dan *mathal* al-Hadith.

3.1 Pembahagian *Mathal* Kepada *Fusha:* Dan *‘A:mmiyy*

Orang-orang Arab mula mengumpul *mathal* semenjak mula tegaknya negara Islam. Selain mengumpul *mathal* ramai yang mengambil berat tentang *mathal* dengan menyusunnya dengan susunan yang boleh memudahkan pencarian terhadap *mathal* tersebut. Mereka juga turut memberi penerangan mengenai *mathal-mathal* tersebut dari semasa ke semasa. Kesemua *mathal* tersebut terdiri daripada *mathal-mathal fusha:*.

Walau bagaimanapun setelah melalui masa yang lama dengan dipengaruhi oleh beberapa faktor maka di samping *mathal-mathal* fusha terbentuk pula *mathal-mathal* yang bercirikan dialek-dialek tempatan bagi sesuatu kawasan. *Mathal-mathal* yang bercirikan dialek tempatan ini terbahagi kepada dua. Pertama: *Mathal*

yang berasal daripada *mathal fusha:*, dimana kemudiannya ia bertukar menjadi *mathal ‘a:mmiyy* setelah melalui proses evolusi yang berkaitan dengan perkembangan bahasa. Manakala yang keduanya ialah *mathal-mathal* yang terbentuk dalam dialek-dialek tertentu. Di bawah ini diterangkan tentang kedua-dua jenis *mathal* tersebut.

3.1.1 *Mathal Fusha:*

Bahasa Arab fusha adalah merupakan bahasa Arab yang digunakan oleh orang-orang Quraysh semenjak sebelum Nabi Muhammad SAW diutuskan lagi. Bahasa Arab fusha ialah bahasa yang diturunkan dengannya al-Qur`an. Ia terpelihara daripada segala kecacatan bahasa. Jadi segala *mathal* yang terbentuk di peringkat ini merupakan *mathal fusha:*. *Mathal fusha:* sahajalah yang memiliki ciri-ciri positif yang membantu ke arah pemeliharaan bahasa dan budaya. Inilah juga yang dititikberatkan oleh para pengkaji dan pengumpul *mathal* yang terdahulu. Hal ini adalah seperti yang dipaparkan dalam bab kedua.

3.1.2 *Mathal ‘A:mmiyy (Dialek)*

Dalam menerangkan *mathal ‘a:mmiyy* ataupun *mathal* yang diungkapkan mengikut dialek-dialek bagi kawasan-kawasan tertentu, penulis merasakan ada baiknya penulis mengemukakan serba sedikit tentang perkara yang berkaitan dengan dialek Arab, dengan harapan maklumat yang dikemukakan ini sedikit

sebanyak dapat membantu pembaca dalam memahami *mathal-mathal* yang diungkapkan dengan menggunakan dialek-dialek tertentu.

a) Dialek-dialek Bahasa Arab (اللهجات العامية)

Semenjak tersebar bahasa Arab ke seluruh pelosok dunia, bahasa ini mula berpecah kepada beberapa dialek yang mana dialek-dialek itu berbeza antara satu sama lain. Di samping itu ia turut berbeza dari bahasa asalnya. Perbezaan dialek tersebut berlaku dari segi fonetik, perkataan, semantik dan juga dari segi nahu/tatabahasa. Setiap dialek ini melalui cara yang berlainan berikutan pengaruh keadaan yang terdapat di kawasan itu dan terdapat jurang perbezaan yang ketara antara dialek-dialek ini sehingga sesetengahnya menjadi sesuatu yang asing dari yang lain. Akan tetapi apa yang telah mengurangkan jurang perbezaan itu ialah kekalnya bahasa Arab asal sebagai bahasa kesusasteraan, bahasa penulisan dan bahasa agama.¹

b) Faktor- faktor Terbentuknya Dialek 'A:mmiyy:

Sesuatu dialek terbentuk disebabkan beberapa faktor, antaranya ialah:

i- Faktor luaran bahasa antaranya pertembungan bahasa yang telah berlaku hasil daripada tersebarnya bahasa Arab di kawasan-kawasan yang bahasa asalnya bukan bahasa Arab. Dengan demikian bahasa Arab dipengaruhi oleh dialek lama yang sedia ada di kawasan itu. Begitu juga dengan bahasa pendatang-pendatang

¹Wa:fi:, hlm.132

Arab telah terpengaruh dengan penutur-penutur setempat. Kemerdekaan yang dicapai oleh sesebuah negara daripada taklukan dan jajahan serta perbezaan-perbezaan dalam sistem masyarakat dan geografi sesebuah negara yang terdiri daripada bangsa yang berlainan merupakan faktor penting ke arah munculnya dialek-dialek.¹

ii- Faktor-faktor dalaman bahasa itu sendiri seperti bunyi pada perkataan yang terdedah kepada berbagai-bagai perkembangan dan perubahan. Manakala makna perkataan berlaku padanya penyempitan makna dan perluasannya. Pengaruh kaedah juga kadang kala membawa kepada bertukarnya makna perkataan daripada makna asal kepada makna baru. Di samping itu terdapat beberapa perkara lain yang turut mempengaruhi terbentuknya dialek².

c- Pengumpul-pengumpul *Mathal* 'A:mmiyy

Mathal-mathal yang mempunyai ciri-ciri di atas boleh dilihat di dalam kitab-kitab himpunan *mathal* yang memfokuskan kepada *mathal* 'a:mmiyy, antaranya ialah:

1- Isma:'i:l bin 'Aliyy al-Akwa' dalam bukunya membuat perbandingan antara *mathal* yang terhasil dan tersebar di Yaman serta membuat perbandingan dengan *mathal-mathal* 'a:mmiyy yang terhasil di kawasan dan juga negara Arab lain. Hal

¹Wa:fi:, hlm.133.

²Ibid, hlm.137

ini termasuklah juga perbandingan dengan *mathal-mathal* fusha:. Mengikuti penelitian penulis, banyak daripada *mathal* ‘a:mmiyy yang tercatat dalam buku tersebut berasal daripada *mathal fusha*:. Pertukaran kepada ‘a:mmiyy berlaku setelah berlakunya penyebaran secara lisan. Dimana unsur-unsur tempatan yang berkaitan dengan dialek sukar untuk dielakkan. Perubahan dan pertukaran seumpama ini juga berlaku dan terjadi melalui proses evolusi bahasa Arab itu sendiri.¹

2- ‘Abd al-Rahma:n al-Takri:tiyy dalam bukunya pula mengumpul *mathal-mathal* Baghdad. Beliau membuat perbandingan *mathal-mathal* Baghdad dengan *mathal* yang terdapat di sebelas kawasan di negara-negara Arab. ‘Abd al-Rahma:n memuatkan dalam bukunya sebanyak 581 *mathal* Baghdad seterusnya beliau membuat perbandingan dengan *mathal-mathal* ‘a:mmiyy yang lain tanpa dengan merujuk (hanya sekali sekala) merujuk kepada *mathal fusha*: apabila *mathal* yang dibawanya itu merupakan *mathal* berasal daripada *mathal fusha*: yang telah terhasil melalui pengaruh ‘a:mmiyy dan evolusi bahasa.² Contohnya *mathal* yang berbunyi: ³الْبُومَةُ لَوْ بِيَّهَا خَيْرٌ مَّا جَانُ عَافِيهَا الصَّيِّدُ *Mathal* ini berasal daripada *mathal* fusha yang berbunyi ⁴لَوْ كَانَ فِي الْبُومَةِ خَيْرٌ مَّا تَرَكَهَا الصَّيِّدُ yang bermaksud: Sekiranya

¹al-Akwa‘, 1968, *al-Amthal al-Yama:niyyat*, Da:r al-Ma’a:rif, Mesir.

² al-Takri:tiyy, 1966, *al-Amthal al-Baghda:diyyat al-Muqaranat*, Percetakan al-‘A:niyy, Baghdad.

³ Ibid, hlm.331

⁴Si:niyy et al, hlm.98.

burung hantu itu mempunyai kebaikan tentunya pemburu tidak akan meninggalkannya (melepaskannya tanpa diburu).

3- Wafa:' al-Khanajiriyy, dalam bukunya yang berjudul: *al-Amtha:l al-Sha'biyyat Fi: Haya:tina: al-Yawmiyyat* pula terkumpul di dalamnya *mathal-mathal 'a:mmiyyat* Mesir. *Mathal-mathal* tersebut meliputi segala aspek kehidupan. Ia disertakan dengan penerangan ringkas dan penggunaannya. Tiada sebarang perbandingan dibuat oleh pengarang buku. Ia semata-mata mengumpul dan menyusun *mathal-mathal* tersebut mengikut bidang dan tajuknya.¹

4- Sayyid 'Uways pula dengan bukunya yang berjudul: *Amtha:l Wa Ta'bi:ra:t Sh'biyyat Misriyyat* (merupakan sebuah buku kecil) juga terkumpul di dalamnya *mathal-mathal 'a:mmiyyat* Mesir. *Mathal-mathal* tersebut meliputi segala aspek kehidupan. Ia tidak disertakan dengan penerangan dan juga tidak terdapat panduan penggunaannya. Tiada sebarang perbandingan dibuat oleh pengarang buku. Pengarang hanya mengumpul dan menyusun *mathal-mathal* tersebut mengikut bidang dan tajuknya. Buku ini terdiri daripada 127 halaman dengan 1237 *mathal 'a:mmiyyat* Mesir.²

¹al-Khana:jiriyy, t.th, *al-Amtha:l al-Sha'biyyat Fi: Haya:tina: al-Yawmiyyat*, Minsya`at al-Ma'a:rif, Iskandariyat, Mesir.

² Sayyid 'Uways, 1990, *Amtha:l Wa Ta'bi:ra:t Sha'biyyat Misriyyat (Kita:b al-Yawm)*, Mu'assasat Akhba:r al-Yawm, Mesir.

3.2 Pembahagian *Mathal* Kepada Realiti Dan Andaian/Rekaan :

Mathal terbahagi kepada dua, pertama *mathal* yang mempunyai kaitan dengan peristiwa benar yang pernah berlaku dan pernah dialami oleh seseorang atau individu dalam sesebuah masyarakat. Manakala yang keduanya pula ialah *mathal* yang berasaskan kepada khayalan dan rekaan individu-individu yang tertentu.

3.2.1 *Mathal* Realiti:

Mathal realiti adalah *mathal* yang mempunyai asal usul dan sejarahnya yang tersendiri. Ia juga mempunyai pengungkap atau penggubal atau orang mengungkapnya buat pertama kali sepertimana yang telah disebutkan sebelum ini dalam bab kedua.

3.2.2 *Mathal* Rekaan Atau Andaian:

Mathal rekaan ini dibuat atau dicipta oleh seseorang yang mempunyai kefahaman dan penghayatan yang tinggi terhadap sesuatu budaya dan amalan hidup sesuatu bangsa dan masyarakat. Ia menggunakan sama ada watak binatang, tumbuh-tumbuhan, benda dan sebagainya.

Mathal seumpama ini boleh membantu seseorang dalam menunjukan kritiknya kepada pihak-pihak yang lebih berkuasa, tanpa adanya perasaan ragu dan bimbang terhadap tindak balas yang diterima daripada pihak yang dikritik.

Di samping itu ia juga merupakan metodologi pendidikan yang berkesan ke arah menarik minat orang yang dididik untuk mendengar dan menghayati seterusnya mengamalkan apa yang diajar kepada mereka.

Sehubungan dengan ini penulis membawa dua contoh;

Pertama: Cerita mengenai dab dan anaknya yang membawa kepada terungkapnya *mathal*:

أَجَلُّ مِنَ الْحَرْشِ¹

Maksudnya “Lebih hebat daripada al-Harsh”.

Dalam menerangkan perkara ini orang-orang Arab telah mereka sebuah cerita dongeng yang menggambarkan dialog antara seekor dab dengan anaknya dengan tujuan untuk memberi peringatan kepada anaknya supaya sentiasa berwaspada terhadap ancaman musuh mereka. Kononnya seekor dab berkata kepada anaknya: “Wahai anakku berwaspadalah terhadap *al-Harsh*.” Anak itu berkata: “Wahai Ayah, apa itu *al-Harsh*?” Dia berkata: “Akan datang seorang lelaki dan menyapu tangannya pada lubangmu. Lelaki itu meneruskan perbuatannya itu terus menerus.

¹al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 333.

Kemudian lubang itu akan diruntuhkan dengan batu besar.” Anaknyanya berkata: “Wahai Ayah, apakah ini al-Harsh (ular pemangsa dab)?” Dia menjawab: “Wahai anakku ini lebih hebat daripada *al-Harsh*”.¹

Cerita ini dibuat oleh seseorang yang sangat memahami tentang kegemaran manusia dalam memakan dab. Kerana musuh dab yang utama ialah manusia dan bukannya *al-Harsy*. Apa yang dimaksudkan dengan “menyapu tangannya di atas lubang” itu adalah perbuatan para pemburu dab dalam usaha mereka untuk menangkap dab-dab buruan mereka.

Kedua: Cerita tiga ekor lembu jantan yang membawa kepada pengungkapan *mathal* :

إِنَّمَا أَكَلْتُ يَوْمَ أَكَلِ النَّوْرِ الْأَبْيَضِ²

Maksudnya: Sesungguhnya aku telah dimakan pada hari silembu putih itu dimakan lagi.

Diriwayatkan bahawa Amirul Mukminin Ali Bin Abi Talib (k.w.). berkata:³ Sesungguhnya aku dan Othman diumpamakan seperti cerita tiga ekor lembu jantan - Beliau meneruskan ceritanya -, Kononnya pada suatu ketika terdapat tiga ekor lembu jantan hidup bersama di dalam suatu hutan teberau. Ia terdiri daripada lembu putih, hitam dan merah.

¹al-Mayda:niyy, jld. 1, hlm. 333.

²Ibid, jld.1, hlm. 40.

³ Ibid, jld.1, hlm. 40 .

Di tempat yang sama terdapat seekor singa. Singa tersebut tidak mampu untuk membaham lembu-lembu tersebut. Hal ini adalah kerana lembu-lembu tersebut berpadu tenaga dan bersatu hati dalam menghadapi ancaman daripada singa itu.

Pada suatu hari singa itu cuba mempengaruhi dua daripada tiga ekor lembu tersebut. Dan dia mendekati lembu jantan merah dan lembu jantan hitam dengan berkata: Kewujudan lembu putih dalam kalangan kita boleh mengundang bahaya kepada kita semua. Warnanya akan menyebabkan kita semua mudah dikesan oleh pemburu. Tambah singa lagi, adapun kita bertiga, kita memiliki warna yang serupa (warna gelap). Sekiranya engkau membenarkan aku memakan lembu putih itu kita bertiga akan dapat hidup dengan aman di tempat ini. Oleh sebab percaya dengan tipu helah singa itu maka kedua-dua ekor lembu jantan itu menjawab: Silalah makan, bukannya dia berada di depan kamu sekarang ini. Dengan kebenaran yang diberikan oleh kedua-dua ekor lembu jantan maka singa itu terus menerkam dan membaham si putih tanpa belas kasihan lagi.

Beberapa hari kemudian singa itu datang menemui lembu jantan merah dan berkata kepadanya: Kita berdua memiliki warna yang sama. Berilah kebenaran kepadaku untuk memakan silembu hitam itu agar tempat ini menjadi milik kita berdua sahaja. Lembu jantan itu menjawab: Silalah makan, bukannya dia berada di depan kamu sekarang ini. Dengan kebenaran yang diberikan oleh lembu jantan

merah itu maka singa itu terus menerkam dan membaham si hitam itu tanpa belas kasihan lagi.

Dengan kematian lembu hitam dan lembu putih itu, maka yang tinggal di hutan itu hanya lembu merah dan singa itu sahaja. Singa itu mendapati untuk menewaskan lembu merah itu adalah sesuatu yang mudah, kerana lembu itu telah kehilangan dua kawannya. Dengan demikian singa itu berkata kepada lembu merah tersebut: Wahai lembu, aku akan membaham kamu dan tiada pilihan bagiku lagi. Jawab lembu itu: Berikanlah peluang kepadaku untuk melaungkan ungkapan ini tiga kali. Singa menjawab: Silakan. Lembu jantan merah itu terus melaungkan ungkapan: *إنما أكلت يوم أكل الثور الأبيض*. Selepas selesai bercerita Saidina Ali menambah, “sesungguhnya aku telah dihina semenjak hari pembunuhan Othman lagi”.

Mathal-mathal seumpama ini didapati menjadi media yang berkesan di dalam memberi teguran kepada sesuatu pihak yang tertentu, dan kadang kala ia menjadi bahan jenaka dan penglipur lara. Manakala dari segi nilai dan kedudukannya *mathal* rekaan ini adalah setaraf dengan *mathal* realiti. Walaupun ia terhasil melalui proses rekaan dan khayalan ia tetap mempunyai ciri-ciri keistemewaan *mathal*. Hal ini kerana pengungkapnya dari kalangan pemikir yang menghayati sepenuhnya kebudayaan, adat serta amalan masyarakat Arab.

3.3 *Mathal* Berbentuk Puisi

Kebanyakan *mathal* terungkap dalam bait-bait puisi yang telah diungkap dan dihasilkan orang-orang terdahulu. *Mathal-mathal* yang terkandung dalam puisi itu dari segi kedudukannya di dalam puisi ataupun penggunaan ruang di dalam puisi itu terdapat berbagai-bagai keadaan. Ada yang mengambil ruang sebahagian kecil sahaja daripada setengah bait, ada yang mengambil ruang kurang sedikit daripada setengah bait. Ada *mathal* yang terdiri daripada setengah bait, ada yang terdiri daripada satu bait lengkap dan ada pula yang terdiri daripada beberapa bait.

Mathal sebahagian daripada setengah bait:

Ini sepertimana yang terdapat dalam satu bait syair:

جَزَائِي جَزَاءَ اللَّهِ شَرَّ جَزَائِهِ جَزَاءَ سِنِمَارٍ وَمَا كَانَ ذَا ذَنْبٍ¹

Maksudnya: Dia telah memberikan balasan (yang buruk) kepadaku, semoga Allah memberikan kepadanya balasan atas balasan buruknya itu seperti balasan Sinimma:r, sedangkan Sinimma:r tidak berdosa.

Dari satu bait ini yang menjadi *mathal* hanya ungkapan جزاء سنمار yang bermaksud: Balasan Sinimma:r. Mengikut apa yang diriwayatkan; Sinimma:r adalah seorang jurutera pembinaan yang terkenal dan hebat. Beliau diminta oleh Raja al-Nu'ma:n bin Imra' al-Qays untuk mendirikan sebuah istana kediaman

¹al-Ja:hiz, hlm. 23.

beliau. Apabila siapnya pembinaan istana yang dinamakan dengan istana al-Khawranaq itu, Raja al-Nu‘man rasa terlalu kagum dengan keindahan istana yang dibina oleh Sinimma:r. Lalu timbullah dalam hatinya rasa bimbang sekiranya Sinimma:r akan mendirikan istana yang serupa untuk orang lain, sekiranya Sinimma:r dibiarkan terus hidup. Lalu al-Nu‘ma:n memerintahkan para pengawalnya supaya membunuh Sinimma:r dengan cara mencampakkannya dari bahagian paling atas istana tersebut¹. Dengan demikian matilah Sinimma:r dalam keadaan orang ramai terus mengingati peristiwa yang kejam itu. Lalu ia dijadikan *mathal* kepada segala perbuatan baik yang mendapat balasan buruk. *Mathal* ini mempunyai kesamaan makna dan penggunaannya dengan Peribahasa Melayu yang berbunyi “Diberi bunga dibalas tuba”

Mathal setengah bait atau kurang sedikit.

Ini adalah sepertimana yang terdapat dalam bait puisi yang diungkapkan oleh al-Na:bighat dalam puisinya yang berbunyi:

وَلَسْتُ بِمُسْتَبَقٍ أَحَاً لَا تَلْمُهُ عَلَى شَعْتٍ، أَيُّ الرَّجَالِ الْمُهْدَبِ²

Maksudnya: Bukanlah aku ingin menguasai saudaramu yang engkau tidak dapatkan dari kalangan ramai, tapi di manakah akan kudapati (selain beliau) seorang lelaki yang berpekerti (sepertinya).

¹al-Ja:hiz, hlm. 23.

²al-Muba:rak, hlm.57. Lihat juga: jld.1, hlm. 36.

Ungkapan *أي الرجال المهذب* merupakan *mathal*. *Mathal* ini terdiri daripada sebahagian daripada setengah bait puisi sahaja.

Dan di dalam bait puisi lain pula Qays bin Zuhayr mengungkapkan puisi berikut:

أَطُوفُ مَا أَطُوفُ ثُمَّ آوِي إِلَى جَارٍ كَجَارِ أَبِي دُوَادٍ¹

Maksudnya: Aku mengelilingi dan terus mengelilingi yang kemudiannya aku berlindung dengan jiran yangmana ia serupa dengan jiran Abi: Dua:d.

Ungkapan *جار كجار أبي دواد* adalah *mathal* dan ia terdiri daripada kurang daripada setengah bait puisi.

Abu: Dua:d merupakan seorang penyair, beliau telah berjiran dengan seorang lelaki yang amat baik hati. Lelaki tersebut dikatakan bernama Ka'b bin Ma:mat.

Mathal di atas digunakan untuk menyata dan menyifatkan seseorang jiran yang sangat baik hatinya.

Mathal setengah Bait Penuh:

¹al-Muba:rak, hlm.62.

Ini sepertimana yang diungkapkan oleh Ibn Hama: al-Azadiyy dalam bait puisinya yang berbunyi:

كُنَّا نُدَارِيهَا وَقَدْ مُرِّقَتْ فَاتَّسَعَ الْخَرْقُ عَلَى الرَّاقِعِ¹

Maksudnya: Sesungguhnya kami telah mengetahui bahawa ia telah dikoyak. Maka koyakan itu makin meluas ke atas (di luar kemampuan) orang yang menampal.

Ungkapan فاتسع الخرق على الراقع merupakan *mathal* yang terdiri daripada setengah bait penuh.

Mathal ini digunakan untuk menggambarkan sesuatu kerosakan yang telah melampaui kemampuan orang yang memperbaikinya.

Mathal-mathal yang terdiri daripada satu bait:

Di bawah ini dikemukakan beberapa *mathal* yang terdiri daripada satu bait penuh:

Pertama:

وَلَيْسَ يُصْبِحُ فِي الْأَذْهَانِ شَيْءٌ إِذَا احتاج النَّهَارُ إِلَى دَلِيلٍ²

¹al-Muba:rak, hlm.55.

²al-Asbaha:niyy, hlm.175

Maksudnya:

Tidak akan berlaku dalam pemikiran itu sesuatu pun, sekiranya siang itu memerlukan pemandu.

Digunakan untuk menyatakan bahawa sesuatu yang telah jelas dan terang itu, tidak lagi memerlukan kepada suluhan, penerangan serta panduan.

Kedua:

وَأَزْرَقُ الْفَجْرِ يَبْدُو قَبْلَ أْبْيَضِهِ وَأَوَّلُ الْعَيْثِ فَطْرٌ ثُمَّ يَنْسَكِبُ¹

Maksudnya:

Kebiruan fajar muncul sebelum putihnya, permulaan hujan adalah titisan disusuli curahan.

Digunakan untuk menerangkan bahawa setiap sesuatu itu akan bermula dengan sedikit ataupun kecil. Kemudiannya barulah ia menjadi banyak dan besar.

Ketiga:

إِذَا رَأَيْتَ نُيُوبَ اللَّيْثِ بَارِزَةً فَلَا تَظُنَّنَّ أَنَّ اللَّيْثَ يَبْتَسِمُ²

Maksudnya:

¹ Abu Sa‘i:d, hlm.101.

² Ibid, hlm.93.

Kiranya kau lihat taring singa itu keluar, janganlah kau sangka ia senyum kepadamu.

Digunakan untuk memberi peringatan supaya berwaspada terhadap senyuman ataupun kebaikan yang diberikan oleh orang-orang yang dikenali sebagai orang yang tidak boleh dipercayai ataupun orang-orang jahat.

Keempat:

سَتُبَدِي لَكَ الْآيَامُ مَا كُنْتَ جَاهِلًا وَيَأْتِيكَ بِالْأَخْبَارِ مَنْ لَمْ تُزَوِّد¹

Maksudnya:

Sejarah akan memaparkan kepadamu apa yang kau tak tahu, dan akan datang kepadamu dengan membawa berita, mereka yang tidak diberitahu.

Digunakan untuk menyatakan bahawa khabar dan berita gembira tetap akan tiba.

Kelima:

النَّاسُ مِنْ جِهَةِ التَّمْتَالِ أَكْفَاءُ أَبْوَهُمْ آدَمُ وَالْأُمُّ حَوَاءُ²

Maksudnya:

Manusia adalah sama saja, bapanya Adam ibunya Hawa.

¹al-Baghda:diyy, hlm.180.

²al-‘Askariyy, hlm.411 .

Digunakan untuk menyatakan bahawa semua manusia mempunyai taraf dan kedudukan yang sama saja.

Keenam:

نَفْسٌ عَصَامٍ سَوَّدَتْ عَصَاماً وَعَلَّمَتْهُ الْكُرَّ وَالْإِقْدَامَا¹

Maksudnya:

Diri 'Isa:m yang menjadikan 'Isa:m tuan, dirinya jugalah yang mengajarnya berlari dan mara ke hadapan.

'Isa:m telah sampai ke kemuncak kejayaannya dengan menjadi pemimpin kepada masyarakatnya. Pencapaian ini disebabkan oleh usaha beliau yang bersungguh-sungguh. Pencapaiannya tidak sekali-kali bergantung kepada keturunannya maupun warisan, harta ataupun pangkat.

Penggunaannya dalam menggambarkan kejayaan yang dikecapi oleh seseorang itu adalah hasil daripada daya usaha dan titik peluhnya sendiri.

Ketujuh:

لَا تَنْهَ عَنْ خُلُقِي وَتَأْتِي مِثْلَهُ عَارٌ عَلَيْكَ إِذَا فَعَلْتَ عَظِيمًا¹

¹al-Mayda:niyy, jld.3, hlm. 369.

Maksudnya:

Jangan engkau larang sesuatu perbuatan, sedangkan engkau melakukannya.
Amatlah besar keaibannya sekiranya kau berbuat demikian.

Mathal digunakan untuk memberi ingatan kepada orang ramai supaya menjauhi sesuatu perbuatan yang tidak diinginkan.

Kelapan:

أَرَبُّ يَبُولُ الثُّعْلَبَانَ بِرَأْسِهِ أَلَا ذَلَّ مَنْ بَالَتَ عَلَيْهِ الثَّعَالِبُ²

Maksudnya:

Adakah tuhan dikencing oleh dua ekor musang di atas kepalanya. Adakah tidak hina sesiapa yang dikencing musang.

Kesembilan:

كَذَا فَضَّتْ الْأَيَّامُ بَيْنَ أَهْلِهَا مَصَائِبُ قَوْمٍ عِنْدَ قَوْمٍ فَوَائِدُ³

Maksudnya:

Begitulah ketentuan masa dalam kalangan manusia, musibah sesuatu kaum menjadi manfaat kepada kaum lain.

¹al-‘Abdariyy, hlm.103.

² al-Hu:t, 1983, hlm.190.

³al-Jana:biyy, 1401H, hlm.83.

Satu Bait Mengandung Banyak *Mathal*:

Satu bait dua *mathal*:

Bait pertama ini diungkapkan oleh al-Hutay'at, berbunyi: ¹

مَنْ يَفْعَلِ الْخَيْرَ لَا يَعْدَمُ جَوَازِيَهُ لَا يَذْهَبُ الْعُرْفُ بَيْنَ اللَّهِ وَالنَّاسِ

Maksudnya:

Sesiapa yang melakukan kebaikan balasannya tidak hilang, tidak hilang kebaikan antara Allah dengan manusia.

Bahagian yang pertama daripada bait di atas merupakan sebuah *mathal* yang tersendiri, manakala bahagian yang kedua itu juga merupakan *mathal* yang tersendiri. Dengan demikian bait di atas mengandungi dua *mathal* yang berlainan.

Bait kedua ini pula diungkapkan oleh 'Ubayd bin al-Abras al-Asadiyy, berbunyi: ²

الْخَيْرُ يَبْقَى وَإِنْ طَالَ الزَّمَانُ وَالشَّرُّ أَحْبَبْتُ مَا أَوْعَيْتَ مِنْ زَادٍ

Maksudnya:

Kebaikan itu terus kekal walaupun lama masanya, dan kejahatan itu menjadi lebih keji apabila dihimpun sebagai bekalan.

¹al-Muba:rak, hlm.164.

²Ibid, hlm.164.

Bahagian yang pertama daripada bait ini juga merupakan sebuah *mathal* yang tersendiri, manakala bahagian yang kedua itu juga merupakan *mathal* yang tersendiri. Dengan demikian bait di atas juga mengandungi dua *mathal* yang berlainan.

Satu bait tiga *mathal*:

Di bawah ini dikemukakan beberapa bait puisi yang mengandungi tiga *mathal*.

Bait yang pertama diungkapkan oleh Zuhayr, berbunyi:¹

وَفِي الْحِلْمِ إِذْعَانٌ وَفِي الْعَفْوِ ذُرْبَةٌ
وَفِي الصِّدْقِ مَنجَاةٌ مِنَ الشَّرِّ فَاصْدِقْ

Maksudnya:

Dalam budi pekerti ada ketaatan, dan dalam kemaafan ada latihan, dan dalam kebenaran ada penyelamat daripada kecelakaan. Bersikap benarlah.

Dalam bait di atas, ungkapan *في الحلم اذعان* merupakan *mathal* yang pertama, ungkapan *في العفو ذربة* *mathal* yang kedua, manakala ungkapan *في الصدق منجاة من الشر* merupakan *mathal* yang ketiga.

Dalam bait ini kita dapati pengungkap memperuntukkan satu perempat daripada bait di atas untuk satu *mathal*. Manakala satu perempat terakhir daripada bait tersebut adalah tambahan ataupun pelengkap kepada bait.

¹al-Muba:rak, hlm.164.

Bait yang berikut ini juga turut dimuatkan dengan tiga *mathal*, tetapi dalam susunan yang berbeza. Bait ini diungkapkan oleh al-Na:bighat al-Dhibya:niyy, berbunyi: ¹

الرِّفْقُ يَمُنُّ وَالْإِنَاءُ سَلَامَةٌ فَاسْتَأْنِ فِي رِفْقٍ تُلَاقِ بُجَاحًا

Maksudnya: Bertimbang rasa adalah suatu anugerah, kecermatan adalah keselamatan, bercermatlah dalam bertimbang rasa, engkau akan mencapai kejayaan.

Dalam bait di atas ungkapan الرفق يمن merupakan *mathal* yang pertama, ia mengambil ruang satu perempat bait, ungkapan والانية سلامة *mathal* yang kedua, juga turut mengambil ruang satu perempat bait. Manakala ungkapan فاستأن في رفق merupakan *mathal* yang ketiga. Ia mengambil ruang setengah bait penuh.

Bait yang berikut ini juga turut dimuatkan dengan tiga *mathal*, tetapi dalam peruntukan ruang yang berbeza. Bait di bawah ini diungkapkan oleh Ibnu ‘Abd al-Quddu:s, berbunyi:²

كُلُّ آتٍ لَا بُدَّ مِنْ آتٍ وَذُو الْجَنَّةِ لِ مَعْنَى وَالْعَمُّ وَالْحَزْنُ فَضْلٌ

¹al-Muba:rak, hlm.164.

² Ibid. hlm.164.

Maksudnya: Setiap yang datang mesti akan datang, orang yang jahil menghadapi keberatan, duka nestapa ada kelebihan.

Dalam bait di atas ungkapan كل آت لا بد من آت *mathal* yang pertama, ungkapan وذوالجهل معنى merupakan *mathal* yang kedua dan ungkapan والغم والحزن فضل merupakan *mathal* yang ketiga. Jadi dalam bait di atas peruntukan ruangnya adalah untuk tiga *mathal*.

Satu bait empat *mathal*:

Bait di bawah ini pula memuatkan empat *mathal*:

¹ فَالَهُمْ فَضْلٌ وَطُولُ الْعَيْشِ مُنْقَطِعٌ وَالرِّزْقُ آتٍ وَرُوحُ اللَّهِ مُنْتَظَرٌ

Maksudnya:

Kesusahan adalah kelebihan, hidup yang lama akan terputus, kurniaan rezeki terus tiba dan Allah sedang menunggu.

Dalam bait di atas ungkapan فالهم فضل *mathal* yang pertama, ungkapan وطول العيش *mathal* yang kedua, ungkapan والرزق آت *mathal* yang ketiga, manakala ungkapan وروح الله منتظر adalah *mathal* yang keempat.

¹al-Muba:rak, hlm.164.

Begitulah kedudukan *mathal* di dalam bait-bait syair yang memuatkan antara satu dan empat *mathal* dan menggunakan ruang yang berbeza-beza.

Beberapa Bait

Selain daripada satu bait terdapat juga *mathal* yang terdiri daripada beberapa bait. Hal ini sepertimana yang telah diungkapkan oleh Tarfaṭ bin al-‘Abd al-Bakriyy. Mengikut apa yang diriwayatkan, Tarfaṭ telah memasang jebak dengan tujuan untuk memerangkap burung qumbarah. Malangnya sepanjang hari dalam penantian tidak seekor burung pun memasuki perangkapnya. Apabila beliau mengambil balik jebaknya itu beliau mengungkapkan beberapa bait puisi yang antaranya bait-bait berikut:¹

يَا لَكَ مِنْ قُنْبَرَةٍ بِمَعْمَرٍ خَلَا لَكَ الْجُوُ فَيِضِي وَأُصْفِرِي
وَنَقَّرِي مَا شِئْتِ أَنْ تُنَقَّرِي قَدْ رَحَلَ الصَّيَّادُ عَنْكَ فَأَبْشِرِي
وَرُفِعَ الْفُحُّ فَمَا تَخَذَرِي لَا بُدَّ مِنْ صَيْدِكَ يَوْمًا فَاصْبِرِي²

Maksudnya:

Amboi! Kamu wahai qumbarat yang mendiami bumi yang makmur. Persekitaran telah menjadi aman untukmu. Bertelurlah dan bersiullah wahai burung. Patuklah

¹al-Ja:hiz, hlm.140.

²al-Mayda:niyy, jld.1, hlm. 423. Lihat juga “Di:wa:n Tarfaṭ Ibn al-‘Abd, hlm.83.

saja apa yang kamu suka. Pemikat telahpun berlalu jauh dari kamu, bergembiralah. Jebak telah pun diangkat. Suatu hari nanti kamu tetap akan dipikat. Bersabarlah¹.

Kebanyakan pengumpul *mathal* hanya mengampil separuh kedua bagi bait yang pertama sebagai *mathal*, iaitu *خلا لك الجو فيضي وأصفري*. Walau bagaimanapun ketiga-tiga bait itu mempunyai kesinambungan ceritanya. Dengan demikian ia boleh dianggap sebagai cerita *mathal* yang dipersembahkan dalam bentuk puisi.

3.4 *Mathal* Berbentuk Prosa.

Mathal-mathal bukan puisi terdiri daripada beberapa bentuk. Ada yang terdiri daripada satu perkataan, ada pula yang terdiri daripada separa ayat dan ada pula yang terdiri daripada ayat-ayat yang terdiri daripada kedua-dua jenis iaitu *ismiyyat* dan *fe'liyyat*. Walau bagaimanapun kebanyakan daripada *mathal-mathal* tersebut berasal daripada puisi dan telah bertukar menjadi prosa di dalam penggunaannya.

¹ Burung Qumbarat dipanggil juga dengan Qabbarat. Burung ini cantik rupanya dan mengeluarkan siolan yang sedap didengar. Memiliki jambul yang cantik. Di Malaysia burung jenis ini dinamakam candit atau merbah.

***Mathal-mathal* Bukan Ayat**

Mathal bukan ayat ini sama ada terdiri daripada satu perkataan, dua perkataan yang terdiri daripada *muda:f* dan *muda:f ilayh*, dua perkataan yang terdiri daripada *sifat dan mausu:f* dan lain-lain.

Apabila dirujuk dalam kitab-kitab *mathal* tidak didapati satu pun *mathal* yang diungkapkan dalam satu perkataan, atau pun *mathal* yang terdiri daripada satu perkataan sahaja. Namun dari segi penggunaannya didapati penggunaan *mathal* yang terdiri daripada satu perkataan agak meluas. Fenomena seumpama ini bukan bererti *mathal* yang terdiri daripada satu perkataan itu suatu rekaan baru atau sesuatu yang diada-adakan. Dari segi hakikat dan realitinya serta asalnya, *mathal-mathal* yang sebegini adalah terdiri daripada beberapa perkataan.

Sebagai contoh, *mathal* yang menggunakan perkataan Ha:tim yang digunakan untuk memberikan gambaran terhadap seseorang yang amat pemurah. Sebenarnya ungkapan penuh bagi *mathal* ini berbunyi: ¹أَجْوَدُ مِنْ حَاتِمٍ

Yang bermaksud: Lebih pemurah daripada Ha:tim. Dalam penggunaannya yang berterusan dalam jangka masa yang lama, umum mengetahui bahawa sifat pemurah yang melebihi yang sepatutnya itu hanyalah dimiliki oleh Ha:tim. Jadi apabila saja nama itu diungkapkan, kaitannya dengan sifat murah hati sudah sedia terpahat dalam minda yang mendengarnya. Dengan demikian untuk memberikan

¹al-Mayda:niyy, jld.1, hlm.326.

gambaran mengenai seseorang yang bersifat pemurah memadailah dengan menyebut perkataan Hatim sahaja. Pengguguran dua perkataan yang pertama di dalam *mathal* itu, iaitu *اجود من* adalah dianggap hanya pengguguran dari segi sebutan sahaja. Ini kerana lafaz yang digugurkan daripada sebutan itu sebenarnya telah sedia ada di dalam minda penerima.

Penggunaan ungkapan *ام موسى* (*Muda:f* dan *muda:f ilayh*) yang berasal daripada ungkapan penuhnya: *افرع من فؤاد ام موسى*¹ dan juga penggunaan ungkapan *مسيلمَة* *اكذب من مسيلمَة*² daripada ungkapan penuhnya *السيفات* (*sifat* dan *mawsu:f*) daripada ungkapan penuhnya *مسيلمَة* kedua-duanya melalui keadaan sepertimana yang disebutkan di atas.

***Mathal* Berbentuk Ayat**

Pada keseluruhannya *mathal-mathal* yang datang kepada kita adalah dalam bentuk ayat. Ini sama ada ia terdiri daripada *jumlat ismiyyat* seperti:

³التَّمَرُ فِي الْبَيْتِ

Yang bermaksud: Buah tamar di dalam perigi.

Mathal ini digunakan untuk menyatakan bahawa di dalam mendapatkan sesuatu yang diinginkan itu mestilah terlebih dahulu mengharungi kesusahan.

Dan juga *jumlat fe'liyyat* (ayat kerjaan) seperti:

¹al-Mayda:niyy, jld. 2, hlm. 471.

² Ibid, Jilid 3 , hlm. 75.

³al-‘Askariyy, jld.1, hlm.264

1 تَطْعِمُ تُطْعَمُ

Yang bermaksud: Kamu memberi makan, kamu akan diberi makan.

Mathal digunakan untuk menyatakan bahawa seseorang yang melakukan perbuatan baik kepada orang lain, akan mendapat balasan yang sewajarnya.

Satu Perenggan Atau Lebih

Manakala *mathal* yang terdiri daripada satu perenggan pula terdiri daripada beberapa ayat. al-Mufaddal al-Dabbiyy menggolongkan ungkapan yang berikut sebagai *mathal*:²

أَيُّهَا النَّاسُ اجْتَمِعُوا، ثُمَّ اسْمِعُوا وَعُودُوا، كُلُّ مَنْ عَاشَرَ مَاتَ، وَكُلُّ مَنْ مَاتَ فَاتَ، وَكُلُّ مَا هُوَ آتٍ
آتٍ، وَلَيْلٌ دَاجٍ، وَنَهَارٌ سَاجٍ، وَسَمَاءٌ ذَاتُ أَبْرَاجٍ، وَبُحُومٌ تَزْدَهُرُ وَبِحَارٌ تَذَخُرُ، وَجِبَالٌ مُرْسَاةٌ
وَأَرْضٌ مُدْحَاةٌ وَأَنْهَارٌ مَجْرَاةٌ. إِنَّ فِي السَّمَاءِ لِحَبْرًا وَإِنَّ فِي الْأَرْضِ لَعِبْرًا، مَا بَالَ النَّاسُ يَذْهَبُونَ
وَلَا يَرْجِعُونَ؟ أَرْضُوا فَأَقَامُوا أَمْ تَرَكُوا فَنَامُوا؟ يَا مَعْشَرَ آيَادِ آيِنِ الْأَبَاءِ وَالْأَجْدَادِ وَأَيِّنِ الْفِرَاعِنَةِ
الشَّدَادِ؟ أَلَمْ يَكُونُوا أَكْثَرَ مِنْكُمْ مَالًا وَأَطْوَلَ مِنْكُمْ آجَالًا؟ طَحْنَهُمُ الدَّهْرُ بِكَلْكِهِ وَمَزَقَهُمُ
بِتَطَاؤِلِهِ.³

Maksudnya:

“Wahai manusia berkumpullah, kemudian dengar dan sedarlah, semua yang hidup akan mati, semua yang mati akan berlalu dan lenyap, manakala yang datang akan terus datang, malam gelap gelita, langit memiliki cakrawala, bintang-bintang

¹al-‘Askariyy, jld.1 , hlm. 267.

²al-Shalqa:niyy, hlm.494.

³al-Marbi‘iyy, Ahmad,1974, *Qas bin Sa:‘idaṭ al-Aya:diyy Haya:tuh, khutbatuh Wa She‘ruh*, Percetakan al-Nu‘ma:n, Najaf, Iraq.

kemerlapan, lautan menyimpan berbagai kekayaan, bukit bukau telah ditegakkan, bumi dihampar luas, sungai-sungai terus dialirkan. Sesungguhnya di langit terdapat berita, manakala bumi memiliki pengajaran. Apa halnya dengan manusia, mereka semua pergi dan tidak kembali. Apakah mereka itu menyukainya (tempat mereka pergi) lalu terus mendiaminya. Ataupun mereka tertidur dan terus ditinggalkan. Wahai pahlawan yang gagah berani! Di manakah nenek moyang! Dan di manakah puak Firaun yang gagah perkasa itu? Tidakkah mereka itu semua memiliki harta lebih banyak daripada apa yang kamu miliki. Dan tidakkah usia mereka lebih panjang daripada usia kamu? Masa telah menghancurkan mereka bersama bahtera mereka serta mengoyak rabakkan mereka bersekali dengan kesombongan mereka”.

Kata-kata ini diungkapkan oleh Qas bin Sa:‘idaṭ al-Aya:diyy ketika beliau membersembahkan pidatonya di Su:q ‘Uka:z.

Sehubungan dengan ini kisah *mathal* yang menceritakan perihal tiga ekor lembu jantan dengan seekor singa itu sendiri boleh digolongkan di dalam *mathal* panjang. Akan tetapi yang diterima pakai sebagai *mathal* oleh kebanyakan pengumpul *mathal* ialah ungkapan yang diluahkan oleh lembu merah di penghujung cerita tersebut yang berbunyi: *إِنَّمَا أَكَلْتُ يَوْمَ أَكَلِ الثَّوْرُ الْاَبْيَضُ*. *Mathal* serta cerita yang berkaitan dengannya telah pun dipaparkan di dalam *mathal-mathal* rekaan.

3.5 Mathal Islam

Mathal Islam adalah terdiri daripada *mathal-mathal* yang terdapat dalam al-Qur`an dan juga *mathal-mathal* yang terdapat di dalam Hadis-hadis Rasulullah SAW. Di samping itu termasuk juga dalam kelompok *mathal* Islam *mathal-mathal* yang telah lahir dalam kalangan para ulama dan juga para pemimpin Islam yang mana pengungkapannya berlandaskan kepada isi kandungan al-Qur`an dan juga Hadis Rasulullah SAW. Di sini penulis memaparkan dua jenis *mathal* Islam sahaja, iaitu *mathal* al-Qur`an dan *mathal* Hadis.

3.5.1 Mathal Dalam al-Qur`an

Mathal dipakai dalam al-Qur`an merujuk kepada perumpamaan dan juga peribahasa. Walau bagaimanapun pemakaiannya dalam al-Qur`an adalah lebih banyak kepada perumpamaan berbanding dengan peribahasa.

Dalam menerangkan *mathal* al-Qur`an, ‘Abd al-Rahma:n al-Nahla:wiyy memberikan definisi yang berikut:

أَنَّهُ نُظْمٌ مِنَ التَّنْزِيلِ يَعْرِضُ مَمَطًا وَاضِحًا مَعْرُوفًا مِنَ الْكَائِنَاتِ أَوْ الْحَوَادِثِ الْكُونِيَّةِ أَوْ التَّارِيخِيَّةِ عَرْضًا لَافْتًا لِلانْظَارِ لِيُشَبَّهَ أَوْ يُقَارَنَ بِهِ سُلُوكٌ بَشَرِيٌّ أَوْ فِكْرَةٌ مُجَرَّدَةٌ أَوْ أَيُّ مَعْنَى مِنَ الْمَعَانِي بِقَصْدِ التَّوْضِيحِ أَوْ الْإِقْنَاعِ أَوْ الْبُرْهَانِ أَوْ التَّأْيِيرِ أَوْ لِمُجَرَّدِ الْإِقْتِدَاءِ بِهِ أَوْ التَّنْفِيرِ مِنْهُ أَوْ الْإِبْتِعَادِ عَنْهُ أَوْ بِقَصْدِ بَيَانِ الْفَارِقِ بَيْنَ أَمْرَيْنِ مُتَنَاقِضَيْنِ لِلْأَخْذِ بِأَحَدِهِمَا وَالْإِبْتِعَادِ عَنِ الْآخَرِ أَوْ لِلْبُرْهَانِ عَلَى صِحَّةِ أَحَدِهِمَا وَبُطْلَانِ الْآخَرِ.¹

¹ al-Nahla:wiyy, hlm.19.

Maksudnya: Ia adalah satu kumpulan ayat-ayat al-Qur`an yang memaparkan cara yang jelas serta diketahui, yang terdiri daripada benda ataupun peristiwa alam semesta atau peristiwa silam. Paparan bertujuan menarik perhatian dan membuat perumpamaan tentang perilaku manusia, ataupun sesuatu idea atau sesuatu kehendak dengan tujuan untuk memberi penerangan dan kepuasan dan memberikan bukti serta pengaruh. Atau untuk semata-mata menjadi ikutan ataupun untuk menjauhkan daripada sesuatu yang lain. Atau untuk mengemukakan bukti kebenaran salah satu antara dua perkara dan untuk menolak yang satu lagi.

Secara umumnya *mathal* dalam al-Qur`an merupakan satu gaya bahasa dalam penyampaian yang bertujuan untuk memberi gambaran tentang sesuatu yang belum pernah dialami oleh manusia dan juga untuk memberikan gambaran mengenai sesuatu yang payah difahami dan susah untuk digambarkan di dalam minda seseorang. Secara umumnya faedah daripada penggunaan *mathal* adalah seperti berikut¹:

- 1- Menjadikan gambaran bagi sesuatu yang hendak diterangkan itu lebih nyata dan lebih jelas pada pandangan dan pemikiran penerima atau pendengar.
- 2- Meyakinkan pendengar tentang apa yang disampaikan.

¹al-Mayda:niyy, *al-Amtha:l al-Qur'a:niyyat*, hlm. 39

- 3- Menjadikan sesuatu yang ingin disampaikan itu lebih menarik.
- 4- Membangkitkan suatu perasaan yang bersesuaian dengan kehendak mesej.
- 5- Memuji dan mengeji, mengagong dan memperlecehkan.

Ciri-ciri *Mathal* al-Qur'an

Ayat-ayat *mathal* dalam al-Qur'an selain daripada memiliki ciri-ciri istimewa al-Qur'an, ia juga mempunyai ciri-ciri yang berikut:¹

- 1- Mempunyai gambaran yang halus dan teliti serta menonjolkan aspek-aspek penting bagi sesuatu yang digambarkan.
- 2- Mempunyai gambaran yang hidup dan langsung.
- 3- Mempunyai perbandingan dan perumpamaan yang tepat.
- 4- Mempunyai kepelbagaian gaya bahasa penyampaian.
- 5- Pengguguran sebahagian daripada gambaran penuh *mathal*.

Di bawah ini dikemukakan dua bentuk *mathal* yang terdapat di dalam al-Qur'an.

a) *Mathal* Berbentuk Perumpamaan:

Dalam al-Qur'an *mathal* yang merujuk kepada perumpamaan digunakan sebagai medium untuk menjelaskan perkara-perkara yang berkaitan dengan hubungan manusia dengan penciptanya dan juga hubungan antara manusia sesama manusia.

¹al-Mayda:niyy, *al-Amtha:l al-Qur'a:niyyat*, hlm. 83.

Perkara-perkara itu antaranya ialah menjelaskan kekuasaan Allah sebagai pemilik alam semesta ini, menerangkan keimanan manusia kepada Allah, gambaran mengenai syurga yang disediakan oleh Allah kepada para hambaNya yang mukmin dan taat, gambaran mengenai orang-orang kafir dan mereka yang ingkar, menempelak sikap orang-orang kafir dan durhaka, menerangkan perbezaan antara orang-orang mukmin dan kafir, gambaran terhadap kehidupan duniawi, galakan ke arah membelanjakan harta benda di jalan Allah dan banyak perkara lain yang berkaitan dengan kehidupan manusia serta hubungannya dengan Allah dan hubungannya sesama manusia.

Di sini dikemukakan ayat al-Qur'an yang berbentuk *mathal* yang berkaitan dengan sebahagian daripada beberapa perkara yang disebutkan di atas.

1- Menerangkan Kekuasaan Allah

Dalam usaha mengajak orang bukan Islam ke arah beriman kepada Allah SWT adalah perlu lebih dahulu mereka itu mengenali dan mengetahui kekuasaan Allah SWT. Hal ini kerana apa yang membuat mereka itu menolak ataupun enggan untuk beriman kepada Allah adalah kejahilan mereka tentang Allah, mereka sebenarnya tidak mengenali Allah serta tidak mengetahui kekuasaanNya. Ayat di bawah ini menerangkan keadaan yang tersebut:



Maksudnya:. Dan ia membuat perumpamaan bagi kami; dan dia lupa kepada kejadiannya; ia berkata: "Siapakah yang dapat menghidupkan tulang-tulang yang telah hancur luluh?"

Daripada pertanyaan yang berbentuk *mathal* yang dikemukakan oleh orang-orang kafir itu menunjukkan mereka semua tidak menyedari bahawa diri mereka semua itu adalah ciptaan Allah SWT.

Di dalam mmemberi jawapan kepada persoalan yang ditimbulkan oleh mereka itu, Allah memerintahkan Rasulullah SAW supaya memberikan jawapan sepertimana yang terkandung dalam ayat berikut:


¹ Ya:si:n, 36:78.

الجلالين: وضرب لنا مثلاً في ذلك ونسي خلقه من المني وهو أغرب من مثله قال من يحيي العظام وهي رميم أي بالية ولم يقل رميمه بالتاء لأنه اسم لا صفة، وروي أنه أخذ عظما رميما ففتته وقال للنبي صلى الله عليه وسلم: أتري يحيي الله هذا بعد ما بلي ورم؟ فقال النبي صلى الله عليه وسلم: نعم ويدخلك النار .

الطبري: وقوله وضرب لنا مثلاً ونسي خلقه يقول: ومثل لنا شبهاً بقوله من يحيي العظام وهي رميم إذ كان لا يقدر على إحياء ذلك أحد، يقول: فجعلنا كمن لا يقدر على إحياء ذلك من الخلق ونسي خلقه يقول: ونسي خلقنا إياه كيف خلقناه، وأنه لم يكن إلا نطفة، فجعلناها خلقاً سوياً ناطقاً، يقول: فلم يفكر في خلقناه، فيعلم أن من خلقه من نطفة حتى صار بشراً سوياً ناطقاً متصرفاً، لا يعجز أن يعيد الأموات أحياء، والعظام الرميم بشراً كهيئتهم التي كانوا بها قبل الفناء.

البيضاوي: وضرب لنا مثلاً أمراً عجبياً وهو نفي القدرة على إحياء الموتى ، أو تشبيهه بخلق بوصفه بالعجز عما عجزوا عنه . ونسي خلقه خلقنا إياه . قال من يحيي العظام وهي رميم منكر إياه مستبعداً له ، والرميم ما بلي من العظام ، ولعله فعيل بمعنى فاعل من رم الشيء صار اسماً بالغلبة ولذلك لم يؤنث ، أو بمعنى مفعول من رمته . وفيه دليل على أن العظم ذو حياة فيؤثر فيه الموت كسائر الأعضاء .

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=36&TafseerNo=1&ayaNo=78> (Nov 2007)



Maksudnya: Ia akan dihidupkan oleh Tuhan yang menciptakannya kali yang pertama. dan dia Maha Mengetahui segala makhluk.

Bagi kemampuan manusia mengadakan sesuatu yang belum pernah wujud adalah lebih sukar jika dibandingkan dengan usaha mewujudkan semula sesuatu yang pernah wujud. Namun perkara yang sedemikian itu adalah sama saja bagi Allah SWT yang memiliki sifat Maha Kuasa itu.

¹ Ya:si:n, 36:79.


القرطبي: قوله تعالى : وضرب لنا مثلاً ونسي خلقه قال من يحيي العظام وهي رميم فيه مسألتان : الأولى : قوله تعالى : وضرب لنا مثلاً ونسي خلقه أي ونسي أنا أنشأناه من نطفة ميتة فركبنا فيه الحياة . أي جوابه من نفسه حاضر ، ولهذا قال عليه السلام نعم ويعثك الله ويدخلك النار ففي هذا دليل على صحة القياس ، لأن الله جل وعز احتج على منكري البعث بالنشأة الأولى . قال من يحيي العظام وهي رميم أي بالية . رم العظم فهو رميم ورمام . وإنما قال رميم ولم يقل رميمية ، لأنها معدولة عن فاعله ، وما كان معدولاً عن وجهه ووزنه كان مصروفاً عن إعرابه ، كقوله : وما كانت أمك بغيا [مريم : 28] أسقط الماء ، لأنها مصروفة عن باغية . وقيل : إن هذا الكافر قال للنبي صلى الله عليه وسلم : أرأيت إن سحقتها وإذريتها في الريح أيعيدها الله ! فنزلت : قل يحييها الذي أنشأها أول مرة أي من غير شيء فهو قادر على إعادتها في النشأة الثانية من شيء وهو عجم الذنب . ويقال عجب الذنب بالباء وهو بكل خلق عليم أي كيف يبدىء ويعيد .

الثانية : وفي هذه الآية دليل على أن في العظام حياة وأنها تنجس بالموت . وهو قول أبي حنيفة وبعض أصحاب الشافعي وقال الشافعي رضي الله عنه : لا حياة فيها . وقد تقدم هذا في < النحل > . فإن قيل أراد بقوله : من يحيي العظام أصحاب العظام ، وإقامة المضاف مقام المضاف إليه كثير في اللغة ، موجود في الشريعة . قلنا إنما يكون إذا احتيج لضرورة وليس ها هنا ضرورة تدعو إلى هذا الإضمار ، ولا يفتقر إلى هذا التقدير ، إذ الباري سبحانه قد أخبر به وهو قادر عليه والحقيقة تشهد له ، فإن الأحساس الذي هو علامة الحياة موجود فيه ، قاله ابن العرب

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=36&ayaNo=79&TafseerNo=5> (Nov 2007)

2- Menerangkan Kebenaran Yang Diturunkan Oleh Allah

Di dalam menerangkan kebenaran yang telah diturunkannya Allah SWT juga telah menggunakan medium *mathal*, ini adalah seperti dalam firman-Nya




Maksudnya: Allah telah menurunkan air (hujan) dari langit, maka mengalir air di lembah-lembah menurut ukurannya. Maka arus itu membawa buih yang mengambang. dan dari apa (logam) yang mereka leburkan dalam api untuk membuat perhiasan atau alat-alat, ada (pula) buihnya seperti buih arus itu. Demikianlah Allah membuat perumpamaan (bagi) yang benar dan yang batil. Adapun buih itu, akan hilang sebagai sesuatu yang tak ada harganya, manakala yang memberi manfaat kepada manusia, maka ia tetap di bumi. Demikianlah Allah membuat perumpamaan-perumpamaan.

¹ al-Ra'd, 13:17.

Secara keseluruhannya ayat di atas menerangkan kebenaran yang akan terus kekal dalam kehidupan manusia. Di samping itu ia diguna dan dimanfaatkan oleh seluruh manusia. Perkara yang sebaliknya, iaitu kebatilan, juga turut diterangkan di dalam ayat di atas. Memandangkan kebatilan merupakan sesuatu yang tidak mempunyai nilai dalam hidup manusia, ia akan cepat hilang dan luntur.


Ayat di atas mengandungi dua perumpamaan yang konkrit yangmana keduanya mempunyai satu tujuan, iaitu untuk menyampaikan hakikat bahawa kemenangan sentiasa berada di pihak kebenaran manakala kekalahan dan kehancuran menjadi hak kebatilan.

Perumpamaan yang pertama yang terdapat dalam ayat:



Perumpamaan ini dibuat menggunakan air yang diturunkan oleh Allah dari langit dan memancut serta mengalir di muka bumi lalu memenuhi lurah-lurah dan membentuk arus air yang deras yang menghanyutkan apa saja. Arus air ini akan terbentuk di atasnya buih-buih putih yang tidak akan kekal lama dan akan terus lenyap. Manakala yang tinggal dan kekal ialah air tulen sahaja.untuk digunakan dan dimanfaatkan oleh manusia dan segala hidupan di atas dunia ini.

Manakala perumpamaan yang kedua pula terdapat dalam ayat:



Perumpamaan ini dibuat dengan menggunakan api yang panas yang membakar berbagai-bagai logam, antaranya emas dan perak. Pembakaran dibuat dengan tujuan untuk mengasingkan segala benda asing dan bahan lengai daripada terus mengotori dan mencemari logam tersebut. Ketika proses pembakaran dilakukan bahan-bahan cemar itu tadi akan terapung di permukaan logam yang cair itu. Seterusnya bahan-bahan cemar itu tadi akan hilang lenyap dimakan api. Manakala yang tinggalnya adalah logam tulen. Ia akan digunakan oleh manusia untuk berbagai-bagai tujuan dalam memenuhi keperluan hidup mereka.

Begitulah juga keadaannya dengan kebenaran dan kebatilan. Kebatilan kadang kala muncul dan tampil seolah-olah tuan dan pihak yang kuat. Namun ia tak lain dari sifat buih yang muncul di atas air ketika arus deras berlaku, dan juga sama seperti bahan cemar yang terapung di permukaan logam cair, yang mana keduanya akan hilang lenyap dalam masa yang singkat tanpa disedari.

Manakala kebenaran pula yang kelihatan seolah-olah telah hapus dan musnah akan muncul dan tampil semula serta terus kekal untuk selama-lamanya. Samalah seperti kekalnya air dan logam sepertimana yang disebutkan dalam


ayat di atas. Kedua-duanya ini terus memberi manfaat dan faedah kepada kehidupan manusia.

Manakala sesetengah ulama pula berpendapat bahawa air yang disebutkan di dalam ayat di atas juga merupakan *mathal* kepada ilmu pengetahuan serta hidayah yang diturunkan oleh Allah SWT kepada para hamba-Nya melalui perantaraan para nabi, para rasul dan para pendakwah. Maka setiap orang akan menimba ilmu tersebut untuk manfaat diri mereka. Manakala perkataan wadi atau lembah itu pula adalah perumpamaan kepada hati-hati manusia yang menerimanya.

Allah mengumpamakan yang benar dan yang batil dengan air dan buih atau dengan logam yang menjadi cair dan buihnya. yang benar sama dengan air atau logam murni yang batil sama dengan buih air atau tahi logam yang akan lenyap dan tidak ada gunanya bagi manusia.

Melalui *mathal* ataupun perumpamaan di atas maka sesuatu yang abstrak itu dapat dijemakan dalam bentuk konkrit yang memudahkan seseorang untuk memahaminya.

Manakala dalam ayat lain pula Allah SWT telah menggambarkan kebenaran yang diturunkannya itu sebagai cahaya yang berperanan menerangi kegelapan. Ini sepertimana yang terdapat dalam firman-Nya yang berikut:



Maksudnya: Allah (Pemberi) cahaya (kepada) langit dan bumi. Perumpamaan cahaya Allah, adalah seperti sebuah lubang (di dinding yang tak tembus) yang di dalamnya ada pelita besar. Pelita itu di dalam kaca (dan) kaca itu seakan-akan bintang (yang bercahaya) seperti mutiara, yang dinyalakan dengan minyak dari pohon yang berkat, iaitu pohon zaitun yang tumbuh tidak di sebelah timur (sesuatu) dan tidak pula di sebelah barat(nya), yang minyaknya (saja) hampir-hampir menerangi, walaupun tidak disentuh api. cahaya di atas cahaya (berlapis-lapis), Allah membimbing kepada cahaya-Nya sesiapa yang dia kehendaki, dan Allah membuat perumpamaan-perumpamaan bagi manusia, dan Allah Maha Mengetahui segala sesuatu.

¹ al-Nu:r, 24:35

Maksud daripada pokok berkat itu ialah pokok zaitun yang tumbuh di puncak bukit ia mendapat sinar matahari baik pada waktu matahari terbit mahupun pada waktu matahari akan terbenam, sehingga pohonnya subur dan buahnya menghasilkan minyak yang baik.

Dalam ayat di atas Allah membuat *mathal* atau perumpamaan tentang hati orang-orang mukmin serta amalan mereka. Allah juga membuat perumpamaan tentang hati orang-orang kafir serta amalan mereka. Allah membuat perumpamaan hati orang mukmin itu dengan cahayanya. Hal ini kerana hati orang mukmin itu terang bagaikan disuluh serta dapat menyuluh yang lain. Hati yang terang dapat mengenali dan mengetahui keagongan dan kebesaran Allah SWT, serta dapat membezakan kebenaran daripada kebatilan.

Diri seseorang mukmin itu diumpamakan sebagai sebuah rumah. Manakala hatinya pula diumpamakan seperti sebuah pelita, dan pengetahuannya diumpamakan sebagai mentol atau sumbunya yang menyala dan mengeluarkan cahaya. Mulutnya pula diumpamakan sebagai pintu, manakala lidahnya pula diumpamakan sebagai anak kunci. Lampu atau pelita itu tergantung dalam rumah itu dengan berbekalkan bahan bakar yang terdiri daripada keyakinan. Sumbu atau mentolnya itu terdiri daripada kezuhudan. Cerminnya pula terdiri daripada keredhaan dan penyangkutnya adalah akal.¹

¹al-Tirmiziyy, hal,26.

Dengan demikian apabila seseorang mukmin itu membuka lidahnya untuk bertutur kata dengan berbekalkan ketetapan yang telah diputuskan oleh hatinya, diumpamakan ketika itu sebagai lampu yang memancarkan cahayanya dari dalam lubang tingkap dimana ia ditempatkan. Maka percakapan dan pertuturannya diibaratkan sebagai suatu cahaya yang menerangi kegelapan¹. Manakala amalan dan pekerjaannya juga diibaratkan sebagai cahaya yang akan berterusan sehingga ke hari kiamat.

Begitulah perumpamaan yang telah dibuat oleh al-Qur'an dalam memberikan gambaran tentang kebenaran.

Itulah beberapa ayat yang menceritakan beberapa perkara dengan menggunakan *mathal* dengan maksud membuat perumpamaan antara satu perkara yang kurang mendapat gambaran dalam minda manusia, dengan sesuatu yang lain yang lebih jelas dalam gambaran minda. Dengan demikian apa yang kurang jelas dapat diperjelas melalui penggunaan *mathal*.

b) *Mathal* Berbentuk Peribahasa

Di bawah ini dibawa beberapa ayat *mathal* al-Qur'an yang boleh digolongkan sebagai peribahasa, dikemukakan mengikut tajuk:

¹al-Tirmiziyy, hal.26.

1- Manusia Mempunyai Pengetahuan Terhad

Manusia sebagai makhluk sememangnya mempunyai pengetahuan yang amat terhad. Manakala penciptanya mempunyai pengetahuan yang amat luas dan tidak terbatas, yang tidak boleh dibandingkan dengan sesiapa sekalipun. Ayat *mathal* di bawah ini menerangkannya:



Maksudnya: Tidak ada yang akan menyatakan terjadinya hari itu selain Allah.

Dari segi penggunaan dan pemakaian ayat ini sebagai *mathal* ia digunakan dalam situasi yang menggambarkan kelemahan diri atau ketidakmampuan seseorang dalam mendapatkan pengetahuan atau maklumat.

Dalam konteks masyarakat Melayu biasanya dalam situasi seperti di atas peribahasa yang digunakan untuk menunjukkan kepada kekurangan pengetahuan kalangan orang ramai, dan sesuatu pengetahuan itu disandarkan kepada orang-orang tertentu sahaja, peribahasa yang digunakannya ialah: “Jauhari juga mengenal manikam²”. Bermaksud: Mereka yang pakar dan berilmu sahaja yang dapat mengenali dan mengetahui hakikat dan realiti sesuatu.

¹ al-Najm, 53:58.


² Abdullah Hassan et al, hlm.177.

sanggup mengorbankan wang tabungannya sebagai modal pusingan dan begitulah seterusnya.

Dalam masyarakat Melayu untuk menunjukkan kepada situasi seperti ini peribahasa yang digunakan ialah: “Kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya”¹. Ruyung ialah batang sagu, yang memerlukan kepada pengorbanan tenaga untuk memecahkannya dan mengeluarkan sagu yang merupakan pulangan kepada pengorbanan yang telah dilakukan.

3- Kemunculan Kebenaran

Dalam kehidupan harian seseorang itu kadang kala menunggu jawapan kepada sesuatu persoalan. Kadang kala menunggu berita daripada seseorang. Tidak kurang juga dalam banyak keadaan teka teki bermain di dalam kepala. Apabila datang sesuatu beritu yang dapat merungkai perkara-perkara yang sedemikian dari segi psikologinya orang-orang yang berkenaan akan merasa lebih tenteram dan damai. Berkaitan dengan situasi sebegini Allah SWT berfirman menceritakan apa yang berlaku terhadap Nabi Yusuf AS, firman-Nya:



¹ Abdullah Hassan et al, hlm.188.



Maksudnya: Raja bertitah (kepada wanita-wanita itu): "Bagaimana keadaanmu ketika kamu menggoda Yusuf untuk menundukkan dirinya (kepadamu)?" Mereka berkata: "Maha Sempurna Allah, kami tidak mengetahui sesuatu keburukan dari padanya". Berkata isteri al 'Azi:z: "**Sekarang jelaslah kebenaran itu**, Akulah yang menggodanya untuk menundukkan dirinya (kepadaku), dan Sesungguhnya dia termasuk orang-orang yang benar."²

Yang dimaksudkan dengan perkataan “keadaanmu” ialah pendapat wanita-wanita itu tentang Yusuf AS, apakah dia terpengaruh oleh godaan itu ataupun tidak.

Walaupun ayat di atas berkaitan dengan cerita Nabi Yusuf AS, namun ungkapan **الآن حصص الحق** boleh digunakan dalam banyak situasi lain yang mana keadaannya hampir sama dengan situasi yang ditunjukkan dalam ayat di atas. Iaitu

¹ Yu:suf, 12:51.

² al-Qurtubiyy: قالت امرأة العزيز الآن حصص الحق لما رأت إقرارهن ببراءة يوسف، و (حصص الحق) أي تبين وظهر، وأصله حصص، فقيل: حصص، كما قال: كبكبوا في كببوا. وكفكفت في كففت، قاله الزجاج وغيره. وأصل الحصص استئصال الشيء، يقال: حصصه إذا استئصله جزءاً، قال أبو القيس بن الاسلت: قد حصت البيضة رأسي فما أطعم يوماً غير تحجاج وسنة حصاء أي جرداء لا خير فيها، قال جرير: يأوي إليكم بلا من ولا جحد من ساقه السنة الحصار والذيب كأنه أراد أن يقول: والضبع، وهي السنة المجذبة، فوضع الذئب موضعه لأجل القافية، فمعنى (حصص الحق) أي انقطع عن الباطل بظهوره وثباته، قال: إلا مبلغ عني خدائشاً فإنه كذوب إذا ما حصص الحق ظالم وقيل: هو مشتق من الحصص، فالمعنى بانث حصص الحق من حصصه الباطل. وقال مجاهد وقتادة: وأصله مأخوذ من قولهم، حصصه إذا استأصل قطعه، ومنه الحصص من الأرض إذا قطعت منها. والحصص بالكسر التراب والحجارة، ذكره الجوهري

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=12&ayaNo=51&TafseerNo=6> (Nov 2007)

ketika terjawabnya sesuatu persoalan, terungkainya suatu teka teki dan juga ketika munculnya berita benar mengenai sesuatu yang dinantikan.


4- Mencermin Diri

Mencermin diri adalah suatu perbuatan yang sangat dituntut oleh agama. Dan seharusnya seseorang mukmin itu menjadikannya sebagai salah satu sikap yang berterusan, iaitu mengikat dirinya dengan sikap ini. Apabila seseorang itu sentiasa mencerminkan dirinya sendiri, terlalu banyak manfaat serta pulangan daripada pengamalan sikap itu. Antara faedahnya ialah mengenal diri sendiri. Apabila seseorang itu telah mengenali diri sendiri serta tahu akan segala kelemahan dan kekuatan yang ada pada dirinya, justeru dapat ia menokok tambah apa yang kurang, memperbaiki apa yang rosak, meluruskan mana-mana yang bengkok, membersihkan mana-mana yang kotor serta banyak lagi.

Apabila kita pergi lebih jauh lagi, dalam mengenali penciptanya, manusia juga diminta oleh Allah SWT supaya mencerminkan dirinya dengan segala kejadian serta hakikat tubuh badannya. Dengan berbuat demikian seseorang itu seterusnya akan menjuruskan akal fikiranya ke arah mencari penciptanya. Sehubungan dengan ini Allah SWT berfirman:

Keadaan seumpama ini samalah dengan sikap orang-orang kafir, dimana mereka mencuba mempersalahkan Allah SWT apabila mereka menerima balasan daripada Allah atas segala kejahatan yang pernah mereka lakukan.

Sehubungan dengan Allah SWT berfirman:



Maksudnya: (akan dikatakan kepadanya): **"Yang demikian itu, adalah disebabkan perbuatan yang dikerjakan oleh kedua-dua tangan kamu dahulu dan Sesungguhnya Allah sekali-kali bukanlah penganiaya hamba-hamba-Nya".**

Ayat *mathal* ini diturunkan oleh Allah SWT bertujuan untuk menempelak sikap orang-orang kafir yang kononnya Allah menzalimi mereka, apabila mengenakan mereka dengan azab sengsara. Dengan kata lain ayat ini “memulangkan paku buah keras”² kepada orang kafir.

Jadi ungkapan dalam ayat *mathal* ini **ذلك بما قدمت يداك** sesuai diguna pakai dalam situasi-situasi yang serupa atau hampir sama dengan keadaan di atas.

¹ al-Haj, 22:10.

² Abdullah Hassan et al, hlm.268.

Selain daripada ayat di atas terdapat satu ayat *mathal* yang lain yang menerangkan bahawa seseorang itu terikat dengan apa yang mereka lakukan. Firman Allah SWT:



Maksudnya: Setiap orang bertanggung jawab atas apa yang telah dilakukannya.²

Dari segi penggunaan ia digunakan dalam situasi yang sama dengan ayat sebelumnya.


6- Penantian Yang Berakhir

Penantian dalam kehidupan manusia adalah sesuatu yang lumrah dan biasa. Penantian kadang kala terhadap masa yang dijanjikan, kadang kala terhadap soalan yang diberikan, kadang kala terhadap hukuman yang bakal dijatuhkan dan banyak lagi. Ayat di bawah ini menunjukkan kepada salah satu daripada keadaan yang tersebut. Firman Allah SWT :

¹al-Muddaththir, 74:38.

² al-Qurtubiyy: قوله تعالى: كل نفس بما كسبت رهينة أي مرهنة بكسبها، مأخوذة بعملها، أما خلصها وأما أوبقها. وليست ((رهينة))
تأنيث رهين في قوله تعالى: كل امرئ بما كسب رهين [الطور: 21] لتأنيث النفس، لأنه لو قصدت الصفة لقليل رهين، لأن فعلا بمعنى مفعول يستوي فيه المذكور والمؤنث. وإنما هو اسم بمعنى الرهن كالشئمة بمعنى الشتم، كأنه قيل: كل نفس بما كسبت رهين، ومنه بيت الحماسة:
أبعد الذي بالنعف نعف كويكب رهينة رمس ذي تراب وجندل كأنه قال رهن رمس. والمعنى: كل نفس رهن بكسبها عند الله غير مفكوك.

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=74&ayaNo=38&TafseerNo=5> (Nov 2007)




Maksudnya: Hai kedua penghuni penjara: "Adapun salah seorang kamu berdua, akan memberi minuman tuannya dengan khamar; adapun yang seorang lagi maka ia akan disalib, lalu burung memakan sebagian dari kepalanya. **Telah diputuskan perkara yang kamu berdua menanyakannya (kepadaku).**"

Ayat *قضي الأمر فيه تستفتيان* merupakan ayat *mathal* yang boleh dipindahkan daripada penggunaan asalnya kepada suatu konteks lain yang mempunyai situasi yang sama.

7- Ketepatan Janji Dan Berita

Seperti yang diketahui bahawa janji tidak semuanya ditepati. Manakala berita pula kadang kala terdapat padanya pendustaan dan pembohongan. Di sini dikemukakan ayat yang berkaitan dengan berita yang benar dan janji yang tepat. Sehubungan dengan ini Allah SWT berfirman:



¹ Yu:suf, 12:41.
² al-An'a:m, 6:67

Maksudnya: **Untuk setiap berita (yang dibawa oleh rasul-rasul) ada (waktu) terjadinya dan kelak kamu akan mengetahui¹.**

8- Penuaian Hasil Kejahatan

Orang-orang jahat dan juga mereka yang melakukan kejahatan kepada orang lain tidak akan terlepas daripada balasan. Malahan kejahatan yang dirancang oleh seseorang itu akan berpatah balik menimpa orang yang merancang dan orang melakukan kejahatan itu sendiri. Sehubungan dengan ini Allah SWT berfirman:



Maksudnya: Kerana kesombongan (mereka) di muka bumi dan kerana rancangan (mereka) yang jahat. **Rancangan yang jahat itu tidak akan menimpa selain orang yang merencangnya sendiri.** tiadalah yang mereka nanti-nantikan

¹ al-Qurtubiyy: لكل نبي مستقر لكل خبر حقيقة، أي لكل شيء وقت يقع فيه من غير تقدم وتأخر. وقيل: أي لكل عمل جزاء. قال الحسن: هذا وعيد من الله تعالى للكفار، لأنهم كانوا لا يقرون بالبعث. الزجاج: يجوز أن يكون وعيداً بما ينزل بهم في الدنيا. قال السدي: استقر يوم بدر ما كان يعدهم به من العذاب. وذكر الثعلبي أنه رأى في بعض التفاسير أن هذه الآية نافعة من وجع الضرس إذا كتبت على كاغد ووضع على السن.

al-Baghawiyy: لكل نبي، خبر من أخبار القرون، مستقر، حقيقة ومنتهى ينتهي إليه فيتبين صدقه من كذبه وحقه من باطله إما في الدنيا وإما في الآخرة، وسوف تعلمون، وقال مقاتل: لكل خبر يخبره الله وقت [وقته] ومكان يقع فيه من غير خلف ولا تأخير، وقال الكلبي: [لكل] قول وفعل حقيقة، إما في الدنيا وإما في الآخرة وسوف تعلمون ما كان في الدنيا فستعرفونه وما كان في الآخرة فسوف يبدو لكم.

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=6&TafseerNo=1&yaNo=67> (Nov 2007).

² Fa:tir, 35:43.

melainkan (berlakunya) sunnah (Allah yang telah berlaku) kepada orang-orang yang terdahulu (iaitu turunnya seksa kepada orang yang mendustakan rasul). Maka sekali-kali kamu tidak akan mendapat penggantian bagi sunnah Allah, dan sekali-kali tidak (pula) akan menemui penyimpangan bagi sunnah Allah itu.

Ayat di atas menerangkan tentang sikap orang-orang kafir dan mereka yang engkar kepada perintah Allah SWT . Namun ayat **ولأيحيق المكر السئ إلا باهله** digunakan di dalam berbagai-bagai situasi yang menunjukkan kepada kejahatan yang dirancang itu kembali kepada perancangnya.

9- Tanggungjawab Mengikut Keadaan Dan Kemampuan

Kemudahan dan kemampuan seseorang dalam menjalankan tugas berbeza-beza.

Ini dipengaruhi oleh faktor-faktor yang berkaitan.

Sehubungan dengan ini Allah SWT berfirman:



Maksudnya: Katakanlah: "Tiap-tiap orang bekerja menurut keadaannya (termasuk dalam pengertian keadaan disini ialah tabiat dan pengaruh alam sekitarnya) masing-masing".²


¹ al-Isra:’, 17:84.

² القرطبي: حدثه ، ابن مجاهد : طبيعته ، وعنه : الطبري: قوله تعالى : قل كل يعمل على شاكلته قال ابن عباس : ناحيته ، وقاله الضحاك ، زيد : على دينه ، الحسن و قتادة : نيته مقاتل : جبلته ، الفراء : على طريقته ومذهبه الذي جبل عليه ، وقيل : قل كل يعمل على ما هو

Maksudnya seseorang itu akan melakukan pekerjaan atau menjalankan tanggung jawab mengikut keadaan serta kemudahan yang dimilikinya.

10- Balasan Baik Yang Setimpal

Seseorang yang melakukan pekerjaan dan menjalankan tugas sepatutnya mendapat balasan yang setimpal dengan apa yang dilakukannya itu. Sehubungan dengan itu Allah telah menjanjikan keadilan terhadap semua hamba-Nya di dalam firmanNya:



Maksudnya: Tidak ada balasan kebaikan kecuali kebaikan (juga)².

Ayat *mathal* ini digunakan untuk menyatakan tentang balasan baik yang setimpal.

أشکل عنده وأولى بالصواب في اعتقاده ، وقيل : هو مأخوذ من الشكل ، يقال : لست على شكلي ولا شاكلي ، قال الشاعر :

كل امرئ يشبهه فعله ما يفعل المرء فهو أهله

فالشكل هو المثل والنظير والضرب ، كقوله تعالى : وآخر من شكله أزواج [ص : 58] ، والشكل (بكسر الشين) : الهيئة ، يقال : جارية

حسنة الشكل ، وهذه الأقوال كلها متقاربة ، والمعنى : أن كل أحد يعمل على ما يشاكل أصله وأخلاقه التي ألفها ، وهذا ذم للكافر ومدح

للمؤمن

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=17&ayaNo=84&TafseerNo=5> (Nov 2007)

¹ al-Rahma:n, 55:60

² Fath al-Qadi:r: هل جزاء الإحسان إلا الإحسان هذه الجملة مقررة لمضمون ما قبلها، والمعنى ما جزاء من أحسن العمل في الدنيا إلا

الإحسان إليه في الآخرة، كذا قال ابن زيد وغيره. قال عكرمة : هل جزاء من قال: لا إله إلا الله إلا الجنة، وقال الصادق : هل جزاء من

أحسنست إليه في الأزل إلا حفظ الإحسان عليه في الأبد. قال الرازي : في هذه الآية وجوه كثيرة حتى قيل: إن في القرآن ثلاث آيات في كل


واحدة منها مائة قوله: إحداها قوله تعالى: فاذكروني أذكركم وثانيها وإن عدتم عدنا وثالثها هل جزاء الإحسان إلا الإحسان . قال محمد بن

الحنفية : هي للبر والفاجر: البر في الآخرة، والفاجر في الدنيا

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=55&ayaNo=60&TafseerNo=8> (Nov 2007)

12- Sindiran Kepada Orang Yang Tidak Berterima Kasih

Sepanjang hidup manusia mereka hanya bergantung kepada nikmat dan rahmat daripada Allah SWT . Namun manusia dengan sifatnya sebagai pelupa itu sentiasa lupa segala nikmat yang dikecapinya dan membuatkan mereka tidak berterima kasih kepada Allah yang mengurniaknya. Sehubungan dengan itu Allah SWT berfirman:



Maksudnya: Para jin itu membuat untuk Sulaiman apa yang dikehendaknya dari gedung yang tinggi dan patung dan piring yang (besarnya) seperti kolam dan periuk yang tetap (berada di atas tungku). Bekerjalah wahai keluarga Daud untuk bersyukur (kepada Allah). **dan sedikit sekali dari hamba-hambaKu yang berterima kasih².**

¹ Saba, 34:13.

² al-Baghawiyy:

وقليل من عبادي الشكور ، أي: العامل بطاعتي شكراً لنعمتي. قيل: المراد من آل داود هو داود نفسه. وقيل: داود وسليمان وأهل بيته. وقال جعفر بن سليمان : سمعت ثابتاً يقول: كان داود نبي الله عليه السلام قد جزأ ساعات الليل والنهار على أهله فلم تكن تأتي ساعة من ساعات الليل والنهار إلا وإنسان من آل داود قائم يصلي.

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=34&ayaNo=13&TafseerNo=9> (Nov 2007)

Ayat *mathal* الشكور وقليل من عبادي الشكور digunakan dalam menggambarkan orang-orang yang tidak berterima kasih dan juga untuk menemplak serta memberi peringatan kepada mereka.

13- Punca Kemusnahan

Manusia telah diciptakan oleh Allah SWT di atas muka bumi ini untuk dijadikan khalifahNya, dengan memakmurkan bumi mengikut peraturan yang ditetapkan olehNya. Namun ramai dari kalangan mereka telah melakukan kerosakan di atas muka bumi ini dan tidak kurang pula yang telah memberikan sumbangan ke arah itu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sehubungan dengan ini Allah SWT berfirman:

﴿لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ ۚ ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ ۚ سُبْحَانَ اللَّهِ عَمَّا يُشْرِكُونَ﴾¹

Maksudnya: **Telah nampak kerosakan di darat dan di laut disebabkan perbuatan tangan manusia**, supaya Allah merasakan kepada mereka sebahagian dari (akibat) perbuatan mereka, agar mereka kembali (ke jalan yang benar)².

¹ al-Ru:m, 30:41.

² al-Baghawiyy: ظهر الفساد في البر والبحر ، يعني: فحط المطر وقلة النبات، وأراد بالبر البوادي والمفاوز، وبالبحر المدائن والقرى التي هي على المياه الجارية. قال عكرمة: العرب تسمى المضر بجرأ، تقول: أجذب البر وانقطعت مادة البحر، بما كسبت أيدي الناس، أي: بشؤم ذنوبهم، وقال عطية وغيره: البر ظهر الأرض من الأمصار وغيرها، والبحر هو البحر المعروف، وقلة المطر كما تؤثر في البر تؤثر في البحر فتخلوا

Ayat *mathal* *ظهر الفساد في البر والبحر بما كسبت ايدي الناس* digunakan untuk memberi peringatan kepada orang ramai dan juga individu supaya menjaga dan mengawal diri daripada memberi sumbangan ke arah kerosakan. Dan juga ditujukan kepada mereka yang berkenaan, dengan harapan mereka akan menghentikan perbuatan seumpama itu

14- Menyatakan Kelemahan

Manusia sebagai makhluk Allah SWT sememangnya lemah. Apatah lagi patung-patung ciptaan manusia yang tidak dikurnia sebarang tenaga dan kekuatan itu. Lebih ketara lagi apabila patung-patung turut tidak dibekalkan dengan akal fikiran sepertimana yang dikurniakan oleh Allah SWT kepada manusia. Sehubungan dengan ini Allah SWT berfirman:



أجواف الأصداف لأن الصدف إذا جاء المطر يرتفع إلى وجه البحر ويفتح فاه فما يقع في فيه من المطر صار لؤلؤاً. وقال ابن عباس ، وعكرمة ، ومجاهد : الفساد في البر : قتل أحد بني آدم أخاه، وفي البحر: غضب الملك الجائر السفينة. قال الضحاك : كانت الأرض خضرة مونقة لا يأتي ابن آدم شجرة إلا وجد عليها ثمرة، وكان ماء البحر عذباً وكان لا يقصد الأسد البقر والغنم، فلما قتل قابيل هابيل اقصعت الأرض وشاكت الأشجار وصار ماء البحر ملحاً زعافاً وقصد الحيوان بعضها بعضاً. قال قتادة : هذا قبل مبعث النبي صلى الله عليه وسلم، امتلأت الأرض ظلماً وضلالة، فلما بعث الله محمداً صلى الله عليه وسلم رجع راجعون من الناس بما كسبت أيدي الناس من المعاصي، يعني كفار مكة. ليذيقهم بعض الذي عملوا ، أي: عقوبة بعض الذي عملوا من الذنوب، لعلمهم يرجعون ، عن الكفر وأعمالهم الخبيثة.

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=30&ayaNo=41&TafseerNo=9> (Nov 2007)



Maksudnya: Hai manusia, Telah dibuat perumpamaan, maka dengarkanlah perumpamaan itu. Sesungguhnya segala yang kamu seru selain Allah sekali-kali tidak dapat menciptakan seekor lalat pun, walaupun mereka bersatu menciptakannya. Dan jika lalat itu merampas sesuatu dari mereka, tiadalah mereka dapat merebutnya kembali dari lalat itu. **amat lemahlah yang menyembah dan amat lemah (pulalah) yang disembah.**

Ayat *mathal* ²ضعف الطالب والمطلوب digunakan untuk menunjukkan kelemahan sesiapa sahaja sama ada orang perseorangan atau pihak-pihak tertentu.

Kesimpulan:

¹ al-Hajj, 22:73

² al-Tabariyy:

واختلف في معنى قوله : ضعف الطالب والمطلوب فقال بعضهم : عني بالطالب : الآلهة ،
و بالمطلوب : الذباب . ذكر من قال ذلك : حدثنا القاسم ، قال : ثنا الحسين ، قال : ثني حجاج ، قال : قال ابن جريج ، قال ابن عباس
في قوله : ضعف الطالب قال : آلهتهم و المطلوب : الذباب .
و كان بعضهم يقول : معنى ذلك : ضعف الطالب من بني آدم إلى الصنم حاجته و المطلوب إليه الصنم أن يعطي سائله من بني آدم ما سأله
يقول : ضعف عن ذلك و عجز .
و الصواب من القول في ذلك عندنا ما ذكرته عن ابن عباس من أن معناه : و عجز الطالب و هو الآلهة أن تستنقذ من الذباب ما سلبها إياه
و هو الطيب و ما أشبهه ، و المطلوب : الذباب .
وإنما قلت هذا القول أولى بتأويل ذلك ، لأن ذلك في سياق الخبر عن الآلهة و الذباب ، فأن يكون ذلك خبرا عما هو به متصل أشبه من أن
يكون خبرا عما هو عنه منقطع ، و إنما أخبر جل ثناؤه عن الآلهة بم أخبر عنها في هذه الآية من ضعفها و مهانتها ، تقريرا منه بذلك عبدتها
من مشركي قريش ، يقول تعالى ذكره : كيف يجعل مثل في العبادة ، و يشرك فيها معي ما لا قدرة له على خلق ذباب ، و إن أخذ له الذباب
فسلبه شيئا عليه لم يقدر أن يمتنع منه ، و لا ينتصر ، و أنا الخالق ما في السماوات و الأرض ، و مالك جميع ذلك و المحيي من أردت و من
أردت ، إن فاعل ذلك لا شك أنه في غاية الجهل .

<http://www.islamweb.net/ver2/archive/showayatafseer.php?SwraNo=22&ayaNo=73&TafseerNo=6> (Nov 2007)

Pemakaian *mathal* dalam al-Qur'an terbahagi kepada dua. Yang pertama pemakaian *mathal* dengan makna perumpamaan dimana ia digunakan sebagai medium untuk menerangkan sesuatu yang agak samar dalam minda manusia. Sehubungan dengan ini *mathal* dijadikan sebagai penyuluh ke arah memperjelas sesuatu dan menjadikannya lebih terang dan mudah diterima akal. Manakala pemakaian yang kedua dengan makna peribahasa yang mana sesuatu ayat itu boleh digunakan dalam situasi-situasi lain yang serupa dan tidak terbatas kepada keadaan yang asal sahaja.

3.5.2 *Mathal* Di dalam Hadis Nabi

Rasulullah SAW di dalam menjalankan tugasnya yang dipertanggungjawabkan telah menggunakan berbagai-bagai cara penyampaian yang sesuai dan berkesan dalam menyampaikan mesejnya. Antara cara penyampaian terpenting yang digunakan oleh Baginda dengan menggunakan *mathal*.

Sepertimana yang diterangkan sebelum ini bahawa menerangkan sesuatu melalui *mathal* merupakan suatu seni kesusasteraan yang dapat menghiasi percakapan. Dengan demikian percakapan menjadi lebih manis, teratur, kemas, tersusun serta lebih sedap didengar. Selain dari, ia mempunyai tujuan yang lebih besar yang dapat dicapai melalui cara ini, antaranya ialah:

- 1- Ia dapat memberi gambaran yang lebih jelas mengenai sesuatu yang ingin disampaikan yangmana ia seolah-olah dapat menggambarkan sesuatu daripada bentuk abstrak kepada bentuk konkrit.
- 2- Dapat mendekatkan sesuatu yang jauh pada pemikiran orang yang mendengar kepada suatu jarak yang lebih dekat yang membuat pendengar lebih mudah memahami sesuatu yang disampaikan oleh penutur.
- 3- Dapat menampilkan sesuatu yang digambarkan dalam pemikiran dengan suatu cara yang lebih jelas, yangmana orang yang mendengarnya merasakan seolah-olah apa yang didengarnya itu dapat dirasai dengan pancainderanya sendiri.

Rasulullah SAW banyak menggunakan *mathal* di dalam menerangkan berbagai-bagai isu yang didapatinya perlu dan juga dalam berbagai-bagai keadaan.

Oleh kerana tujuan utama dalam mengadakan *mathal* itu untuk menampakkan sesuatu yang abstrak itu sebagai suatu yang konkrit yang seolah-olah boleh dinilai dan dirasai dengan pancaindera yang lima yang dikurniakan kepada manusia, maka penerangan mengenai sesuatu yang abstrak itu banyak bergantung kepada ضرب الأمثال atau membuat *mathal*..

Itulah dia di antara beberapa perkara yang menunjukkan kepada pentingnya *mathal* dalam Hadis Nabi. Di samping itu juga ia menunjukkan kepada kesungguhan dan penekanan Rasulullah dalam menggunakan *mathal*. Dengan

demikian jelaslah kepada kita bahawa perlunya kita memberi penekanan terhadap الأمثال النبوية kerana adanya kaitan yang rapat dengan metodologi pendidikan. Dengan demikian dapatlah diambil pengajaran dalam penggubalan sukatan yang berkaitan dalam usaha ke arah memajukan bidang pendidikan.

Mathal Nabi terbahagi kepada dua, iaitu sama seperti pemakaiannya dalam al-Qur'an, iaitu *mathal* berbentuk perumpamaan dan *mathal* berbentuk peribahasa.

a) *Mathal* Dalam Bentuk Perumpamaan

Di sini penulis memaparkan beberapa aspek penggunaan *mathal* yang telah digunakan oleh Baginda Rasulullah:

1-Menerangkan الدعوة الإسلامية

Dakwah Islam merupakan isu terpenting yang diberi perhatian berat oleh Rasulullah SAW dengan memberikan penerangan dan penjelasan mengenainya dengan mengadakan *mathal* atau perumpamaan-perumpamaan mengenainya. Aspek-aspek yang diterangkan melalui *mathal* antaranya ialah tujuan dakwah, pendirian orang ramai terhadap dakwah Islamiyyah, hasil yang diperolehi daripada kepatuhan terhadap gerakan dakwah sama ada di dunia dan di akhirat dan kesan-kesan negatif bagi mereka yang menolaknya.

Rasulullah SAW sangat mengambil berat dalam memberi petunjuk kepada orang ramai dan mengharapkan mereka memperoleh kebaikan. Ini bertepatan sekali dengan tujuan Allah mengutuskan Baginda yang sememangnya untuk membawa seluruh manusia ke arah jalan yang benar dan terus mendapat kebaikan di kedua-dua tempat dunia dan akhirat.

Antara Hadis *mathal* dimana Rasulullah SAW menerangkan jenis-jenis manusia dan pendirian mereka terhadap dakwah baginda, ialah Hadis yang diriwayatkan oleh Abu Musa al-Ash'ariyy yang berbunyi:

قَالَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : (مَثَلُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ مِنَ الْهُدَى وَالْعِلْمِ كَمَثَلِ الْغَيْثِ الْكَثِيرِ أَصَابَ أَرْضًا، فَكَانَ مِنْهَا نَقِيَّةٌ قَبِلَتِ الْمَاءَ فَأَنْبَتَتِ الْكَلَأَ وَالْعُشْبَ الْكَثِيرَ، وَكَانَ مِنْهَا أَجَادِبٌ أَمْسَكَتِ الْمَاءَ فَنَفَعَ اللَّهُ بِهَا النَّاسَ فَشَرِبُوا وَسَقَوْا وَزَرَعُوا، وَأَصَابَتْ مِنْهَا طَائِفَةٌ أُخْرَى إِنَّمَا هِيَ قَيْعَانٌ لَا تَمْسُكُ مَاءً وَلَا تَنْبُتُ كَلَاءً ، فَذَلِكَ مِثْلُ مَنْ فَقِهَ فِي دِينِ اللَّهِ ، وَنَفَعَهُ مَا بَعَثَنِي اللَّهُ بِهِ فَعَلِمَ وَعَلَّمَ ، وَمِثْلُ مَنْ لَمْ يَرْفَعْ بِذَلِكَ رَأْسًا وَلَمْ يَقْبَلْ هُدَى اللَّهِ الَّذِي أُرْسِلْتُ بِهِ) وهذا لفظ البخاري¹ .

Maksudnya: Diumpamakan apa yang Allah utuskan aku untuk memberi petunjuk dan ilmu adalah seperti hujan yang lebat yang menimpa bumi, di antara bumi itu ada yang bersih yang boleh menerima air maka ia dapat menumbuhkan rumput

¹<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=قيعان&Scope=MainBook&StartNo=1> (Nov 2007)

حدیث رقم: 79 صحیح البخاری ، کتاب العلم ، باب فضل من علم وعلم..

حدیث رقم: 2282 صحیح مسلم ، کتاب الفضائل ، باب بیان مثل ما بعث النبی من الهدی والعلم.

حدیث رقم: 19076 مسند أحمد ، حدیث أبي موسى الأشعري رضي الله تعالى عنه ، حدیث أبي موسى الأشعري رضي الله تعالى عنه

rumpai yang banyak, manakala bumi yang lain pula keras gagal ditembusi air dengan demikian Allah memberi manfaat kepada manusia dan mereka meminumnya dan menggunakannya untuk tujuan pertanian. Manakala tanah jenis ketiga merupakan tanah pejal yang tidak menumbuhkan rumput rumpai dan tidak juga dapat menakung air untuk keperluan manusia.

Itu adalah perumpamaan bagi orang yang alim dan memanfaatkan ilmunya sama seperti Allah mengutuskan aku, dengan belajar dan mengajar, manakala seterusnya perumpamaan bagi orang yang tidak mpedulikan hidayah Allah.

Di dalam Hadis di atas Rasulullah SAW telah mengumpamakan orang yang didakwah dengan tanah dan Baginda mengumpamakan dakwah dengan hujan. Memandangkan keadaan dan jenis tanah berbeza-beza, walaupun semua tanah mendapat hujan, ia tetap tidak memberikan hasil yang sama. Maksud Rasulullah, walaupun kesemua orang itu diberi peluang untuk belajar dan beriman tetapi hasilnya adalah berbeza-beza dan bergantung kepada individu itu sendiri, ada yang sanggup dan bersedia untuk menerimanya untuk diri sendiri, ada pula yang sanggup dan bersedia untuk menerimanya dan terus mengembangkannya kepada orang lain, manakala jenis yang ketiga pula tidak sanggup dan tidak bersedia menerimanya bahkan lebih selesa terus berada dalam kejahilan yang berterusan.

Perumpamaan yang dibuat oleh Rasulullah ini juga menunjukkan keagungan dan kebesaran Islam. Ia meliputi segala kebaikan dan segala faedah untuk manusia keseluruhannya. Namun masih ada dalam kalangan manusia yang tidak boleh dan tidak mahu menerimanya sebagai pegangan mereka.

Mathal juga digunakan untuk menerangkan tujuan pengutusan para nabi dan rasul. Tujuan Allah SWT mengutuskan para nabi adalah sama, iaitu untuk membawa manusia keseluruhannya ke arah jalan yang benar. Sehubungan dengan ini Rasulullah telah membuat perumpamaan dalam sabdanya yang berbunyi:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ حَيْثُ قَالَ عَلَيْهِ الصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ : (أَنَا أَوْلَى النَّاسِ بِعِيسَى بْنِ مَرْيَمَ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ , وَالْأَنْبِيَاءِ إِخْوَةٌ لِعَلَّاتِ , أُمَّهَاتُهُمْ شَتَّى وَدِينُهُمْ وَاحِدٌ.¹

Maksudnya : Akulah orang yang paling dekat dengan Isa bin Maryam di dunia dan juga di akhirat. Para nabi kesemuanya adalah bersaudara yangmana bapa mereka sama, ibu berlainan dan agama mereka sama.

Hadis ini menerangkan bahawa para nabi keseluruhannya seolah-olah adik-beradik sebapa, Rasulullah mengumpamakan kesepakatan para nabi dalam tauhid, Islam dan asal usul adalah sama seperti adik-beradik sebapa. Dan Rasulullah

¹<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=أنا%20أولى%20الناس%20بعيسى> (September 2007)

حديث رقم: 3259 صحيح البخاري ، كتاب الأنبياء ، باب واذكر في الكتاب مريم إذ انتبذت من أهلها.

حديث رقم: 2365 صحيح مسلم ، كتاب الفضائل ، باب فضائل عيسى عليه السلام.

حديث رقم: 10598 مسند أحمد ، تمة مسند أبي هريرة رضي الله تعالى عنه ، تمة مسند أبي هريرة رضي الله تعالى عنه.

mengumpamakan perbezaan antara para nabi dalam cabang syariah adalah sama seperti mempunyai ibu yang berlainan. Ini bermakna agama para nabi keseluruhannya adalah satu dan seruan mereka juga ke arah jalan yang satu iaitu Islam. Islam adalah bermaksud menyerahkan diri kepada Allah Yang Maha Kuasa tanpa menyengutuinya.

Rasulullah juga telah membuat perumpamaan tentang risalah yang disebar oleh Baginda dan tentang bagaimanakah ia dijadikan sebagai penamat bagi segala risalah. Sehubungan dengan itu al-Bukhari telah meriwayatkan:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : إِنَّ مِثْلِي وَمِثْلَ الْأَنْبِيَاءِ مِنْ قَبْلِي لَكُمْ مِثْلَ رَجُلٍ بَنَى بَيْتًا فَأَحْسَنَهُ وَأَجْمَلَهُ إِلَّا مَوْضِعَ لَبَنَةٍ مِنْ زَاوِيَةِ فَجَعَلَ النَّاسَ يَطُوفُونَ بِهِ وَيَعْجَبُونَ لَهُ وَيَقُولُونَ : هَلَّا وَضَعْتَ هَذِهِ اللَّبَنَةَ ؟ قَالَ : فَأَنَا اللَّبَنَةُ وَأَنَا خَاتَمُ النَّبِيِّينَ ¹ .

Maksudnya: Abu Hurairah meriwayatkan dari Rasulullah SAW katanya: Sesungguhnya aku dan para nabi yang terdahulu diumpamakan sebagai seorang

¹<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=إن%20ومثل%20الأنبياء> &Scope=MainBook&StartNo=1 (September 2007)

حديث رقم: 8917 مسند أحمد ، تمة مسند أبي هريرة رضي الله تعالى عنه ، تمة مسند أبي هريرة رضي الله تعالى عنه .

حديث رقم: 3341 صحيح البخاري ، كتاب المناقب ، باب خاتم النبيين .

حديث رقم: 2286 صحيح مسلم ، كتاب الفضائل ، باب ذكر كونه خاتم النبيين .

حديث رقم: 3613 سنن الترمذي ، كتاب المناقب عن رسول الله ، باب في فضل النبي .

حديث رقم: 6405 صحيح ابن حبان ، كتاب التاريخ ، باب من صفته صلى الله عليه وسلم وأخباره .

حديث رقم: 18217 سنن البيهقي الكبرى ، كتاب السير ، باب مبدأ الخلق .

حديث رقم: 1483 شعب الإيمان ، الرابع عشر من شعب الإيمان و هو باب في حب النبي صلى الله عليه ، فصل في براءة نبينا صلى الله عليه و سلم في النبوة .

lelaki yang telah membina sebuah rumah yang sangat cantik dan bagus melainkan di satu sudut terdapat tempat seketul jongkong (jongkong belum dipasang). Orang ramai yang melihat dan mengerumuni rumah itu merasa kagum terhadap kecantikannya, dan mereka bertanya tidakkah dilengkapi tempat jongkong yang kosong itu. Sabda Baginda: akulah jongkong itu.

Di sini Rasulullah membuat *mathal* dan mengumpamakan para nabi yang telah datang dengan berbagai-bagai syariat yang terdahulu itu sebagai sebuah rumah yang telah siap dibina dengan keadaan yang sangat cantik, dengan hanya terdapat kekurangan yang sangat kecil dan bagindalah yang memainkan peranan dalam melengkapkan kekurangan itu.

Dari paparan itu tadi jelaslah kepada kita tentang peripentingnya penggunaan *mathal* dalam penyampaian. Lantaran itu Rasulullah SAW menggunakannya sebagai medium penyampaian Baginda. Melaluinya mesej yang disampaikan menjadi lebih jelas dan lebih berkesan di hati sanubari pihak sasaran.

b) *Mathal* Hadis Dalam Bentuk Peribahasa

Di sini penulis mengemukakan beberapa Hadis Nabi SAW yang bercirikan *mathal* dengan makna peribahasa.

1- Sifat Orang Mukmin

Iman dan akal adalah merupakan dua perkara yang berkaitan. Dalam al-Quran banyak ayat yang berkaitan dengan iman disudahi dengan ungkapan "افلا تعقلون" yang bermaksud: Apakah kamu tidak mengerakkan dan menggunakan akal fikiran. Apabila seseorang itu telah beriman atau menjadi seorang mukmin, ini bermakna dia adalah seorang yang berakal. Dia berjaya mengerakkan akal fikirannya dalam mencari kebenaran. Manakala mereka yang tidak beriman pula digolongkan dalam golongan mereka yang tidak berakal, lantaran kegagalan mereka dalam mengerakkan akal fikiran ke arah mencari kebenaran. Ini menunjukkan bahawa iman dan akal dua perkara yang tidak boleh dipisahkan. Jadi seseorang mukmin itu merupakan seorang yang berakal dan waras pemikirannya.

Sehubungan dengan ini Rasulullah SAW memberi ingatan kepada orang-orang mukmin yang berakal itu supaya tidak ditimpa musibah yang sama daripada punca yang sama. Hal ini kerana dengan peristiwa yang pertama itu, seharusnya dijadikan pedoman untuk sesuatu yang akan datang. Sabda Baginda:

لَا يُلْدَغُ الْمُؤْمِنُ مِنْ جُحْرَةٍ مَرَّتَيْنِ¹

Maksudnya: Seseorang mukmin itu tidak akan disengat dua kali dari satu lubang.

¹<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=لا%20يُلْدَغُ%20المؤمن%20من%20جحر%20مرتين> (September 2007)

حديث رقم: 5782 كتاب الأدب، باب لا يلدغ المؤمن من جحر مرتين وقال معاوية. صحيح البخاري

Seseorang yang cerdas dan waras pemikirannya biasanya akan menjadikan sesuatu yang pernah menyimpannya atau pengalamannya sebagai pengajaran bagi dirinya. Apa yang pernah berlaku terhadapnya dijadikan iktibar. Dia akan sentiasa berhati-hati agar perkara yang sama tidak akan berulang ke atas dirinya.

2- Gesaan Untuk Memulakan Pekerjaan

Untuk melakukan sesuatu pekerjaan yang penting, kadang kala memerlukan kepada ajakan dan gesaan oleh seseorang yang mengetuai sesuatu kumpulan. Ketika peperangan Hunayn Rasulullah SAW sebagai panglima perang menyeru tentera Islam yang terdiri daripada para sahabatnya untuk memulakan peperangan dalam menentang musuh-musuh Islam. Sabda Baginda:

الآن حمي الوطيس¹

Maksudnya: Sekarang ketuhar telahpun panas.

حديث رقم: 2998 صحيح مسلم ، كتاب الزهد والرقائق ، باب لا يلدغ المؤمن من جحر مرتقى. ن.

حديث رقم: 4862 سنن أبي داود ، كتاب الأدب ، باب في الحذر من الناس.

حديث رقم: 3982 سنن ابن ماجه ، كتاب الفتن ، باب العزلة.

حديث رقم: 663 صحيح ابن حبان ، كتاب الرقائق ، باب الخوف والتقوى.

حديث رقم: 2679 سنن الدارمي ، ومن كتاب الرقاق.

حديث رقم: 8709 مسند أحمد ، تنمة مسند أبي هريرة رضي الله تعالى عنه < تنمة مسند أبي هريرة رضي الله تعالى عنه.

¹<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=حمي%20الوطيس&Scope=MainBook&StartNo=1> (September 2007)

حديث رقم: 1775 صحيح مسلم ، كتاب الجهاد والسير ، باب في غزوة حنين.

حديث رقم: 7049 صحيح ابن حبان ، كتاب إخباره صلى الله عليه وسلم عن مناقب الصحابة.

Hadis *mathal* ini walaupun pada asalnya diungkapkan oleh Rasulullah SAW untuk memulakan peperangan terhadap musuh Islam, namun pada masa lain ianya digunakan untuk mengingatkan tentang sesuatu pekerjaan itu telah tiba masanya untuk dilakukan. Samalah halnya dengan ketuhar yang telah panas dan tibalah masanya untuk dimasukkan roti untuk dibakar.

3- Taraf Pemikiran Manusia

Dari segi fizikalnya manusia sama saja, dimana manusia itu telah dijadikan oleh Allah sebagai sebaik-baik kejadian. Manakala dari segi kedudukan di sisi Allah mereka sama saja, diibaratkan seperti gigi sikat dari segi kesamaannya. Namun dari segi kemampuannya dalam mengambil kesempatan untuk menggunakan sepenuhnya akal fikiran yang dikurniakan oleh Allah SWT itu, didapati manusia terbahagi kepada beberapa kumpulan, iaitu yang terbaik, sederhana dan di bawah sederhana.

Sehubungan dengan itu Rasulullah SAW telah bersabda:

النَّاسُ مَعَادِنٌ¹

Hadis رقم: 1778 مسند أحمد ، ومن مسند بني هاشم حديث العباس بن عبد المطلب رضي الله عنه.

Hadis رقم: 1301 البحر الزخار - مسند البزار ، مسند العباس بن عبد المطلب رضي الله عنه.

حدثنا أحمد بن داود الواسطي ، قال: نا سفيان بن عيينة عن الزهري قال: حدثني كثير بن العباس عن أبيه العباس قال: (كان النبي صلى الله عليه وسلم على بغلته الشهباء يوم حنين فكنت أنا من جانب و أبو سفيان بن الحارث من الجانب الآخر أخذ بلجامها فقال النبي عليه السلام: يا عباس ناد الناس بأصحاب السمرة فناداهم العباس وكان رجلاً صيئاً فلما ناداهم كأنما كانوا البقر عطفت على أولادها، ثم ارتفع الصوت يا

Maksudnya: Manusia adalah (diumpamakan seperti) logam/galian.

Dalam hadis ini Rasulullah membuat perumpamaan bagi pencapaian akal manusia adalah sama seperti bahan galian. Dimana bahan galian yang berupa emas adalah merupakan bahan yang termahal dan diharapkan oleh setiap orang untuk memilikinya. Dan diikuti oleh perak seterusnya gangsa.

Di dalam berurusan dengan orang ramai seseorang itu hendaklah sentiasa sedar bahawa mengikut realitinya, manusia itu terdiri daripada berbagai-bagai peringkat pemikiran dan keilmuannya.

4- Gesaan Ke Arah Menjauhi Kemungkar

Sesuatu yang buruk dan juga sesuatu yang jahat itu hendaklah sentiasa dijauhi, kerana ia akan menjerumuskan seseorang itu ke dalam neraka. Sehubungan dengan ini Rasulullah SAW bersabda:

معشر الأنصار ثم خلصت الدعوة يا بني الحارث ابن الخزرج فقال: يا أصحاب سورة البقرة وأخذ رسول الله صلى الله عليه وسلم كفاً من حصا وقال: ((الآن حمي الوطيس)).

وهذا الحديث قد روي نحو كلامه من وجوه عن النبي صلى الله عليه وسلم ولا نعلمه يروي عن العباس إلا بهذا الإسناد من حديث كثير بن العباس عن أبيه إلا هذا الحديث).

'<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=معادن%20الناس&Scope=MainBook&StartNo=1> (September 2007)

حديث رقم: 3203 صحيح البخاري ، كتاب الأنبياء ، باب قول الله لقد كان في يوسف وإخوته آيات. حدثني عبيد بن إسماعيل عن أبي أسامة عن عبيد الله قال أخبرني سعيد بن أبي سعيد عن أبي هريرة رضي الله عنه : (سئل رسول الله صلى الله عليه وسلم من أكرم الناس قال أتقاهم لله قالوا ليس عن هذا نسألك قال فأكرم الناس يوسف نبي الله بن نبي الله بن خليل الله قالوا ليس عن هذا نسألك قال فعن معادن العرب تسألوني الناس معادن خيارهم في الجاهلية خيارهم في الإسلام إذا فقهوا حدثني محمد أخبرنا عبدة عن عبيد الله عن سعيد عن أبي هريرة رضي الله عنه عن النبي صلى الله عليه وسلم بهذا).

اتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ¹

Maksudnya: Takutilah api/neraka walaupun sekadar sebelah kurma.

Hadis *mathal* ini diungkapkan oleh Rasulullah SAW untuk mengingatkan orang-orang Islam supaya menyimpan di dalam hati mereka perasaan takut akan api neraka, walaupun berkaitan dengan perkara yang kecil sekalipun. Namun *mathal* ini digunakan untuk mengingatkan orang ramai supaya sentiasa menjauhi perkara-perkara mungkar, keji, jahat dan sebagainya. Walaupun perkara itu hanya dianggap sebagai sesuatu yang kecil dan remeh. Hal ini adalah kerana setiap yang besar itu bermula dengan kecil.

5- Gesaan Mengamalkan Sikap Memada Dan Rendah Hati

Tamak dan haloba merupakan sifat keji. Ia tidak disenangi oleh Allah dan juga tidak disenangi oleh manusia. Ketamakan yang melampau boleh menyebabkan seseorang itu hilang pedoman yang menyebabkannya terjerumus ke lembah hina dengan memakan hak orang lain dengan cara yang batil. Sehubungan dengan ini Rasulullah SAW bersabda:

¹<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=اتَّقُوا النَّارَ وَلَوْ بِشِقِّ تَمْرَةٍ>&Scope=MainBook&StartNo=1 (September 2007)

حديث رقم: 1351 صحيح البخاري ، كتاب الزكاة ، باب اتقوا النار ولو بشق تمرة
حدثنا سليمان بن حرب حدثنا شعبة عن أبي إسحاق قال سمعت عبد الله بن معقل قال سمعت عدي بن حاتم رضي الله عنه قال سمعت رسول
الله صلى الله عليه وسلم يقول : (اتقوا النار ولو بشق تمرة).

أَزْهَدْ فِي الدُّنْيَا يُحِبُّكَ اللَّهُ وَأَزْهَدْ فِيمَا عِنْدَ النَّاسِ يُحِبُّكَ النَّاسُ¹

Maksudnya: Tinggallah kekayaan dunia nescaya engkau dikasihi Allah, dan tinggallah kekayaan orang lain nescaya engkau disukai ramai.

Hadis *mathal* ini digunakan untuk mengingatkan orang ramai supaya berpada-pada dalam mengumpul harta, serta menjaga batas dan sempadannya.

6- Gesaan Menggunakan Akal

Dalam memilih sesuatu untuk diri sendiri dan membuat keputusan mengenainya, seseorang itu lebih mengetahui apa yang diperlukannya dan apakah yang paling sesuai untuk dirinya. Manakala orang lain yang tidak mengalaminya, pengetahuan mereka agak terhad mengenai sesuatu yang berkaitan dengan orang lain. Jadi dalam membuat keputusan mengenainya seseorang itu hendaklah menggunakan akal fikiran dan kebijaksanaannya sendiri dalam membuat keputusan yang sewajarnya.

Sehubungan dengan itu Rasulullah SAW bersabda:

حديث رقم: 1016 صحيح مسلم ، كتاب الزكاة ، باب الحث على الصدقة ولو بشق تمر أو كلمة طيبة.

حديث رقم: 2552 سنن النسائي (المجتبي) ، كتاب الزكاة ، باب القليل في الصدقة.

حديث رقم: 1612 سنن الدارمي ، من كتاب الزكاة ، باب : الحث على الصدقة.

حديث رقم: 473 صحيح ابن حبان ، كتاب البر والإحسان ، باب حسن الخلق.

¹<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=ازهد%20في%20الدنيا%20يحبك%20الله> &Scope=MainBook&StartNo=1 (September 2007)

حديث رقم: 4102 سنن ابن ماجه ، كتاب الزهد ، باب الزهد في الدنيا.

حديث رقم: 10522 شعب الایمان ، الحادي و السبعون من شعب الإيمان و هو باب في الزهد و قصر الأم.

اسْتَفْتِ قَلْبَكَ وَإِنْ أَفْتَاكَ النَّاسُ وَأَفْتُوكَ¹

Maksudnya: Tanyalah hatimu sendiri, walaupun orang lain (seorang atau pun ramai) memberikan pandangan kepada kamu.

Galakan menggunakan kebijaksanaan sendiri dalam memilih sesuatu yang bersesuaian ini hanya terbatas kepada sesuatu yang tidak diputuskan oleh syarak. Manakala sesuatu yang telah ditentukan syarak, seseorang itu tidak dibenarkan sama sekali membuat sebarang keputusan yang bertentangan dengan syarak.

7- Galakan Bersedekah

Amalan dan perbuatan memberi, sama ada melalui pemberian zakat, bersedekah, memberi hadiah, hibah dan sebagainya, kesemuanya ini boleh memberi faedah kepada kedua-dua pihak, iaitu pemberi dan penerima. Pemberi mendapat faedah

حديث رقم: 10523 شعب الإيمان ، الحادي و السبعون من شعب الإيمان و هو باب في الزهد و قصر الأوم.

¹<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=استفتت%20قلبك&Scope=MainBook&StartNo=1> (September 2007)

حديث رقم: 2438 سنن الدارمي ، ومن كتاب البيوع ، باب : دع ما يرييك إلى ما لا يرييك.

حدثنا عبد الله حدثني أبي ثنا يزيد بن هارون ثنا حماد بن سلمة عن الزبير أبي عبد السلام عن أيوب بن عبد الله بن مكرز عن وابصة بن معبد قال : (أتيت رسول الله صلى الله عليه و سلم و أنا أريد أن لأدع شيئاً من البر و الإثم إلا سألته عنه ، و إذا عنده ، جمع فذهبت أتخطي الناس فقالوا : إليك يا وابصة عن رسول الله صلى الله عليه و سلم إليك يا وابصة فقلت : أنا وابصة دعوني أدنو منه فإنه من أحب الناس إلي أن أدنو منه ، فقال لي : ادن يا وابصة ، ادن يا وابصة فدنوت منه حتى مست ركبتي ركبتة ، فقال : يا وابصة أخبرك ما جئت تسألني عنه ؟ أو تسألني ؟ فقلت : يا رسول الله فأخبرني قال : جئت تسألني عن البر و الإثم ؟ قلت : نعم ، فجمع أصابعه الثلاث فجعل ينكت بها في صدري و يقول : يا وابصة استفتت نفسك البر ما اطمأن إليه القلب و اطمأنت إليه النفس و الإثم ما حاك في القلب و تردد في الصدر و إن أفْتَاكَ الناس . قال سفيان : و أفْتُوكَ .).

حديث رقم: 17545 مسند أحمد ، حديث وابصة بن معبد الأسدي نزل الرقة رضي الله تعالى عنه.

حديث رقم: 1586 مسند أبي يعلى الموصلي ، مسند وابصة بن معبد.

dimana dengan perbuatannya itu harta serta jiwanya dibersihkan apabila pemberian itu di buat dengan tulus ikhlas dengan tujuan untuk mendapatkan keredhaan daripada Allah SWT . Manakala penerimanya pula berpeluang untuk memenuhi segala keperluan hidupnya serta keluarganya.

Sehubungan dengan ini Rasulullah SAW bersabda:

الْيَدُ الْعُلْيَا خَيْرٌ مِنَ الْيَدِ السُّفْلَى¹

Maksudnya: Tangan yang di atas lebih baik daripada tangan yang di bawah (tangan yang memberi lebih baik daripada tangan yang menerima).

Hadis *mathal* ini digunakan untuk memberi galakan kepada orang ramai supaya bersedekah serta membuat sumbangan daripada harta benda mereka dengan tujuan untuk mengatasi masalah yang berkenaan.

8- Gesaan Membuat Teladan

¹<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=اليد%20العلياء%20خير>&Scope=MainBook&StartNo=1 (September 2007)

حديث رقم: 1403 صحيح البخاري ، كتاب الزكاة ، باب الاستغفار عن المسألة.

حدثنا عبدان أخبرنا عبد الله أخبرنا يونس عن الزهري عن عروة بن الزبير وسعيد بن المسيب أن حكيم بن حزام رضي الله عنه قال : (سألت رسول الله صلى الله عليه وسلم فأعطيني ثم سألته فأعطيني ثم سألته فأعطيني ثم قال يا حكيم إن هذا المال خضرة حلوة فمن أخذه بسخاوة نفس بورك له فيه ومن أخذه بإشراف نفس لم يبارك له فيه وكان كالذي يأكل ولا يشبع اليد العليا خير من اليد السفلى قال حكيم فقلت يا رسول الله والذي بعثك بالحق لا أرزأ أحدا بعدك شيئا حتى أفارق الدنيا فكان أبو بكر رضي الله عنه يدعو حكيميا إلى العطاء فيأبى أن يقبله منه ثم إن عمر رضي الله عنه دعاه ليعطيه فأبى أن يقبل منه شيئا فقال عمر إني أشهدكم يا معشر المسلمين على حكيم أي أعرض عليه حقه من هذا الفيء فيأبى أن يأخذه فلم يرزأ حكيم أحدا من الناس بعد رسول الله صلى الله عليه وسلم حتى توفي).

Seseorang mukmin itu digesa supaya sentiasa menjadikan dirinya teladan yang baik kepada yang lain. Dengan harapan apabila pihak lain meneladaninya ia akan memberikan hasil dan manfaat yang baik dan berterusan. Sehubungan dengan itu Rasulullah SAW bersabda:

المؤمنُ مرآةُ المؤمنِ¹

Maksudnya: Seseorang mukmin itu merupakan cermin kepada seseorang mukmin yang lain.

Hadis *mathal* ini digunakan untuk memberi galakan kepada orang-orang mukmin supaya mengamal dan menghayati nilai-nilai murni secara berterusan sepertimana yang telah ditetapkan oleh syariah.

Segala kebaikan yang dilakukan oleh orang mukmin yang lain hendaklah dijadikan teladan, manakala keburukan pula hendaklah dijadikan sempadan. Seseorang mukmin dengan seorang mukmin yang lain hendaklah sentiasa saling menasihati.

¹<http://www.islamweb.net/ver2/archive/hadithsearch.php?lang=A&BkNo=000&Word=المؤمن%20مرآة%20المؤمن&Scope=MainBook&StartNo=1> (September 2007)

حدیث رقم: 4918 سنن أبي داود ، كتاب الأدب ، باب في النصيحة والحيطة.

حدیث رقم: 17148 سنن البيهقي الكبرى ، كتاب قتال أهل البغي ، باب ما في الشفاعة و الذب عن عرض أخيه المسلم من الأجر.

أخبرنا أبو عبد الله الحافظ و أبو سعيد بن أبي عمرو قالوا ثنا أبو العباس محمد بن يعقوب ثنا الربيع بن سليمان ثنا ابن وهب ثنا سليمان بن بلال عن كثير بن زيد عن الوليد بن رباح عن أبي هريرة : (أن رسول الله صلى الله عليه و سلم قال : المؤمن مرآة المؤمن ، و المؤمن أخو المؤمن من حيث لقيه ، يكف عنه ضيعته و يحوطه من ورائه .).

حدیث رقم: 7644 شعب الإيمان ، الثالث و الخمسون من شعب الإيمان و هو باب في التعاون على البر ، الثالث و الخمسون من شعب

الإيمان و هو باب في التعاون على البر.

Daripada paparan yang dibuat didapati ia memiliki empat perkara yang menjadi ciri khusus bagi *mathal*, iaitu ungkapan ringkas, makna tepat, perumpamaan baik dan panggilan yang bagus.

3.6 Kesimpulan

Mathal terbahagi kepada beberapa bahagian dan beberapa jenis. *Mathal* diungkap dengan menggunakan berbagai-bagai gaya bahasa. Terdapat *mathal* yang diungkapkan melalui puisi. Dalam pengungkapannya melalui puisi terdapat beberapa keadaan. Selain dari itu terdapat *mathal* Islami iaitu *mathal* al-Qu'ran yang terdiri daripada *mathal-mathal* yang terdapat ddalam al-Qur'an dan juga *mathal* Hadis iaitu *mathal* yang terdapat di dalam Hadis Rasulullah SAW.